



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 46

RABU 18 NOVEMBER, 1987.

رابع 26 ربيع الأول 1408

PERCUMA



Dasar pendidikan yang tidak
beratkan kejayaan pelajaran semata:

MEMBOLEHKAN NEGARA HAYATI SUASANA AMAN

GADONG. — Dasar pendidikan yang tidak hanya menitikberatkan kejayaan pelajaran di dalam mata-mata pelajaran tertentu akan membolehkan negara ini menghayati suasana aman dari segi politik, ekonomi dan sosial dalam usaha kita untuk mencapai kemajuan.

Duli Yang Teramat
Mulia Paduka Seri
Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-
Waqar Pengiran Muda
Haji Mohamed Bolkiah,
Menteri Hal Ehwal Luar

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Negeri bersabda demikian
menekankan pendidikan
asas seperti sukan dan
kegiatan-kegiatan di luar

bilik darjah, memupuk
semangat cinta kepada
negara, bangsa dan
tanahair serta tanggung-
jawab terhadap agama
perlu juga diberi perhatian
sepenuhnya.

Menurut Duli Yang
Teramat Mulia, Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam,
melalui Kementerian Pela-
jaran sentiasa memandang
berat terhadap pendidikan di
negara ini melalui dasar-dasar
yang telah diluluskan dalam
Rancangan Kemajuan
Negara Yang Kelima yang an-
tara lain menekankan peri-
mustahaknya mutu pen-
didikan di negara ini.

Ke arah itu sabda Duli
Yang Teramat Mulia, kita
janganlah menganggap
bahawa kerjaya sebagai pen-
didik itu semata-mata satu
kerjaya untuk mencari pen-
dapatan sahaja sebaliknya

BERITA DAN GAMBAR-
GAMBAR DISIARKAN DI
MUKA 12, 13 DAN 14

Lihat muka 24

Menyembahkan watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima
watikah perlantikan dua orang ketua perwakilan asing ke
negara ini pada 12 November lepas.

Istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada
petang itu adalah bagi perlantikan Duta Besar Jepun ke
Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan
Ichiro Ohtaka dan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka yang
tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan
Yang Terutama Tuan Wijesekera Mudiyanselage Janaka
Bandara Nakkawita.

Lihat muka 24



Lantikan Ketua Hakim Negara

BANDAR SERI BEGAWAN. —
Kementerian Undang-Undang telah
mengumumkan bahawa dengan limpah
kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam, maka Ketua
Hakim Negara, Dato Sir Denys Roberts,
akan terus menjadi Ketua Hakim Negara,
bagi Negara Brunei Darussalam berikutan

dengan persaraannya sebagai Ketua
Hakim Negara Hong Kong dalam bulan
Mac 1988.

Ketua Hakim Negara Hong Kong yang
akan datang, Hakim T. L. Yang, akan
menjadi Yang Di-Pertua (Presiden)
Mahkamah Rayuan bagi Negara Brunei
Darussalam bagi menggantikan tempat
Dato Sir Geoffrey Briggs, yang akan ber-
sara.

PETIKAN TITAH

“Beta telah mengingatkan betapa berat
dan pentingnya tugas guru pada mengasuh dan
mendidik anak-anak negara ini untuk menanamkan dan
memupuk semangat cintakan raja dan negara dan cin-
takan keamanan, ketenteraman, kemakmuran, keba-
hagian dan kemajuan Negara Brunei Darussalam yang
sama-sama kita cintai ini dengan keredaaan Allah
Subhanahu Wataala.”

Ditahukan sempena majlis kesyukuran disembahkan oleh Per-
sekituan Guru-Guru Melayu Brunei di Dewan Persantapan,
Lapau pada 22 Ogos, 1981 iaitu hari keputeraan baginda ke-35
tahun.

MANISNYA IMAN

“WAHA! orang-orang yang
beriman! Mengapa kamu
memperkatakan apa yang
kamu tidak melakukannya.
Amat besar kebenciannya di
sisi Allah - kamu
memperkatakan sesuatu
yang kamu tidak melakukannya.” — Makna ayat 2
hingga 3 Surah Ash-Saff.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

18 NOVEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

TUGAS PENDIDIK

PENDIDIK atau guru merupakan golongan berwibawa lagi istimewa yang mempunyai peranan atau fungsi utama ke arah mendidik generasi masyarakat sekitarnya untuk lebih berilmu dan mempunyai pandangan-pandangan serta nilai-nilai kehidupan yang positif. Dari asuhan seorang pendidik kepada seseorang kanak-kanak itulah akan terbentuknya ciri-ciri dan sifat kemanusiaan yang sempurna, andainya ia dididik sedemikian rupa dengan unsur-unsur kebaikan, sesuai dengan fitrahnya sebagai manusia yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai sebaik-baik kejadian.

Sesungguhnya usaha melahirkan masyarakat yang akan datang yang progresif lagi dinamik adalah banyak bergantung kepada dan dari tugas seorang pendidik. Amanah sedemikian merupakan ciri penting ke arah menentukan corak dan masa depan seseorang pelajar yang merupakan bakal generasi yang akan mengisi dan membentuk masa depan masyarakatnya.

Pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu proses tugas yang sentiasa berubah-ubah mengikut kehendak peredaran zaman dan ianya perlu diselarasakan dengan kehendak sesuatu bangsa dan keperluan sesebuah negara berkenaan.

Dalam sabda ucapannya di Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah pada minggu lalu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengingatkan, bahawa matlamat pendidikan bukanlah hanya bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang pandai membaca, menulis dan mengira, tetapi mestilah juga berupaya menanamkan jiwa yang bersih, berbudi pekerti dan berdisiplin. Di sinilah letaknya kemuliaan tanggungjawab yang diamanahkan kepada seseorang pendidik itu.

Secara rasminya pendidikan persekolahan di negara kita sudahpun berusia tiga suku abad sejak ianya dimulakan pada tahun 1912. Ini bererti sistem pendidikan yang ada sudahpun melalui zamannya dalam beberapa generasi. Perubahan pendidikan sering bertukar corak mengikut kehendak semasa masyarakat negara ini. Perubahan demikian banyak dipengaruhi antaranya oleh suasana dan kehendak semasa dunia luar yang sering mendorong dan mengubah kehendak kehidupan masyarakat setempat. Sesungguhnya kederasan perubahan dan kehendak pendidikan di negara kita begitu cepat kita capai dalam tempoh berkenaan. Hakikat ini sedikit sebanyak telah juga mengubah budaya dan nilai-nilai kehidupan kita sebagai masyarakat yang sudah celik huruf.

Pandangan jelas dan perhatian positif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kepentingan pendidikan di negara ini sudah cukup terbukti. Dasar demikian amat ketara untuk menuju matlamatnya di mana keutamaan juga diberikan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Kelima yang menekankan peri mustahaknya peningkatan mutu pendidikan negara.

Pendidikan percuma kepada semua kanak-kanak disekolah-sekolah kerajaan sememangnya diberikan keutamaan oleh kerajaan termasuklah dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bangunan-bangunan sekolah, buku-buku teks dan juga guru-guru yang terlatih.

Pengubahsuaian dan penyeragaman kurikulum baru sekolah semua peringkat dilaksanakan. Pengajaran yang berlandaskan kemahiran-kemahiran teknikal diberikan. Malah taraf institusi pendidikan dan teknikal juga telah dinaikkan. Semua fasa pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk membentuk generasi yang akan datang sebagai masyarakat yang berilmu, berdikari dan berkemajuan.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia dalam usaha kita untuk mencapai kemajuan, keamanan negara di bidang politik, ekonomi dan sosial amat penting kita kekalkan. Dalam hubungan ini peranan para pendidik adalah sangat diharapkan. Pendidik adalah juga diamanahkan untuk sama-sama mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Sesungguhnya peranan dan tugas pendidik adalah amat berat dan mencabar lagi mulia. Tanggapan masyarakat terhadap tugas dan tanggungjawab pendidik perlulah memperlihatkan unsur-unsur kesedaran bahawa kerjaya demikian bukan cuma sebagai landasan mencari pendapatan, malah pendidik diamanahkan membantu melahirkan masyarakat sempurna lagi berguna di masa akan datang. Semogalah kejayaan yang dicapai oleh setiap pendidik itu akan terus memperlihatkan kejayaan sepanjang bakti mereka dalam membina lagi akhlak, budi pekerti dan disiplin setiap penuntut, dengan itu akan terhindarlah golongan pelajar dari terlibat dalam tindakan-tindakan sosial yang negatif lagi merugikan.

Pihak-pihak awam dan swasta diseru

Assalamu Alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

SAYA bersyukur ke Shadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat mengadakan perjumpaan yang bermanfaat lagi berkebakikan pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota, Negara Brunei Darussalam yang mana telah pun memberikan penghormatan kepada saya sebagai Penaung kepada persatuan ini. Dan adalah saya harapkan agar persatuan ini nanti akan dapat berfungsi dengan efektif dalam mencapai matlamat-matlamatnya yang berkebakikan terutama sekali dalam usaha untuk memberikan perhatian kepada kebajikan orang-orang cacat berkerusi roda dan orang-orang cacat anggota.

Masyarakat pada amnya mestilah menyedari bahawa mereka yang cacat adalah juga sebahagian daripada anggota masyarakat kita dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberikan perhatian kepada mereka yang cacat baik daripada segi kebajikan mahupun kesejahteraan mereka. Masyarakat pada amnya mestilah menerima orang-orang cacat ini sebagai anggota masyarakat yang boleh menyumbangkan tenaga dan bakti kepada masyarakat umumnya kerana bukan semua orang-orang cacat itu yang tidak boleh menyumbangkan tenaga mereka sama sekali. Di dalam konteks ini, masyarakat janganlah semata-mata berharap kepada pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan, untuk memeduli dan menjaga kebajikan serta memberikan kemudahan-kemudahan kepada orang-orang cacat di negara ini.

Sebagai anggota masyarakat yang juga dapat menyumbangkan tenaga dan bakti mereka dalam usaha untuk membangun negara, pihak-pihak awam dan swasta mestilah berusaha untuk memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat, bersesuaian dengan bakat dan kebolehan mereka. Kita mestilah jauh melihat ke hadapan dengan mengambil contoh kepada negara-negara yang maju seperti Britain dan Amerika Syarikat, dalam mana masyarakat umumnya adalah mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan orang-orang cacat di negara-negara berkenaan.

BERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA ORANG-ORANG CACAT

SABDA ucapan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika merasmikan mesyuarat agung kali ke-2 Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota yang berlangsung di Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 30 Oktober, 1987.



Sebagai tanggungjawab bersama untuk memberikan layanan-layanan kepada orang-orang cacat di negara ini,

saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak-pihak awam dan swasta supaya akan dapat

mengikhtikarkan memberikan kemudahan-kemudahan di bangunan-bangunan awam dan swasta bagi keperluan orang-orang cacat. Ap yang saya maksudkan di sini ialah kemudahan-kemudahan seperti tempat letak kereta, kemudahan turun-naik dan keluar-masuk orang-orang cacat ke bangunan-bangunan awam dan swasta, dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti tandas dan tempat riadah.

SEBAGAI anggota masyarakat yang juga dapat menyumbangkan tenaga dan bakti mereka dalam usaha untuk membangun negara, pihak-pihak awam dan swasta mestilah berusaha untuk memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat, bersesuaian dengan bakat dan kebolehan mereka. Kita mestilah jauh melihat ke hadapan dengan mengambil contoh kepada negara-negara yang maju seperti Britain dan Amerika Syarikat, dalam mana masyarakat umumnya adalah mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan orang-orang cacat di negara-negara berkenaan.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, adalah saya harapkan mesyuarat pada petang ini akan dapat menghasilkan buah-buah fikiran yang berguna dalam usaha kita untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat yang mana pemedulian terhadap kebajikan orang-orang cacat di negara ini adalah menjadi tanggungjawab bersama kerana dengan cara demikian, nasib orang-orang cacat di negara ini akan menjadi cerah dan mereka juga tidak akan berperasaan sebagai masyarakat yang tersisih.

KONSEP KUMPULAN MUTU KERJA AKAN DIPERKENAL

GADONG. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan konsep kumpulan mutu kerja (KMK) akan diperkenalkan di semua jabatan-jabatan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu ketika membincangkan beberapa perkara dalam perjumpaannya dengan ketua-ketua, timbalan ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertempat di Dewan Persidangan Pasukan Polis Brunei di Gadong pada 10 November yang lalu.

Setakat ini, konsep KMK itu baru saja diperkenalkan oleh Jabatan Perjawatan yang antara lain berfungsi sebagai alat untuk mengatasi masalah

Oleh Ahat Haji Ismail

(problem-solving) dalam organisasi.

Selain daripada membincangkan perkara itu, beberapa tajuk lain juga turut dibincangkan seperti pengawalan terhadap dokumen-dokumen kerajaan, serta pematuhan tentang peraturan dan undang-undang kerajaan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai.

Di samping membincangkan perkara-perkara tersebut, Yang Berhormat Pehin juga menyarankan supaya kempen kebersihan dilakukan secara berkesinambungan oleh orang ramai dapat menghilangkan tabiat pengotor atau suka mencemar alam sekitar.

"Kempen ini seterusnya akan mengenal kampung ter-

baik dari segi kebersihan dan kesihatan," jelas Yang Berhormat Pehin.

Dalam perjumpaan itu Yang Berhormat Pehin juga menasihati supaya pegawai-pegawai dan kakitangan akan mengemaskan pentadbiran jabatan masing-masing pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mewujudkan jentera pentadbiran yang cekap berkesan bersih lagi amanah.

Juga hadir dalam perjumpaan itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid dan Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Paduka Haji Omar bin Haji Serudin.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Brunei ketika menerima kunjungan hormat Pengarah Kastam Sarawak dan rombongan. — Gambar ihsan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

Lawatan muhibah pegawai Kastam Sarawak

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Serombongan 12 orang pegawai Kastam dan Eksais Sarawak, Malaysia telah mengadakan lawatan muhibah ke negara ini pada 31 Oktober lepas.

Ketibaan rombongan yang menjadi tetamu kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sini telah dialu-alukan oleh Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais, Awang Eusoff Agaki Haji Ismail.

Di bilik persidangan jabatan ini, mereka telah diberikan taklimat mengenai dengan tugas-tugas dan susunan Jabatan Kastam oleh salah seorang pegawai Kastam.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Kastam Negeri Sarawak itu juga telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, di pejabatnya di sini.

KUNJUNGAN HORMAT

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan telah menerima kunjungan hormat Pemerintah Tentera British di Hongkong, Mejar Jeneral G.D. Johnson (gambar bawah) bertempat di Kementerian Pertahanan di Istana Nurul Iman pada 10 November lepas.

Mejar Jeneral G.D. Johnson diistiadat dan majlis itu telah diiringi oleh Pembantu Ketenteraan, Leftenan Komander Colin de Mowbray dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook.

Mejar Jeneral G.D. Johnson adalah dalam rangka lawatan selama lima hari ke negara ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan, timbalan dan penolong ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	18.11.1987	Rabu	8.30- 9.30
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	18.11.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	18.11.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	18.11.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	19.11.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas			
Garrison	19.11.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	19.11.1987	Khamis	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Jerudong	21.11.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	21.11.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	21.11.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaud)	21.11.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	21.11.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	22.11.1987	Ahad	9.00-10.00 "
Kampung Perpindahan Serasa	22.11.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	22.11.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	23.11.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungun	23.11.1987	Isnin	9.00-10.00 pagi
Sekolah Rendah Panchor Murai	23.11.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg Rendah)	23.11.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	23.11.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	24.11.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	24.11.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Bolkiah Garrison	24.11.1987	Selasa	10.00-11.00 "
Sekolah Rendah Panaga, Seria	24.11.1987	Selasa	10.00-11.00 "

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-407

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

EMPAT orang ulama hadis zaman sekarang menolak perkataan Ibnu Khaldun yang tiada masak dan matang dalam ilmu hadis. Dan ditolak oleh Al-Imam Abu Hanifah bahkan telah ditolak oleh hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat, Tabi'ien dan ulama yang mengarang kitab-kitab Tauhid sebelum datang Ibnu Khaldun. Adakah kita fikir ulama Tauhid itu bermain-main ketika menulis tanda-tanda hari kiamat seperti turunnya Nabi Isa Alaihissalam dan keluarnya Al-Imam Al-Mahdi dan Ad-Dajal dan binatang dari bumi itu? Adakah mereka tiada berilmu dan tiada mempunyai fahaman bagaimana difahamkan orang-orang yang datang pada kurun 20 yang bercampur-aduk dengan ilmu dan fikiran mereka dengan fahaman Barat sebagaimana kata Doktor Sa'ed Ramadhan dan Ash-Shaikh Al-Hiras tadi.

Adapun perkataan Ash-Shaikh Abu Ubaiyyah itu nampaknya ia pengikut orang-orang yang lari dari khawarij dan mukjizat dan takutkan benda-benda yang ghaib sebagaimana disebutkan oleh Ash-Shaikh Al-Hiras di atas dan dia men-

takwilkan segala hakikat, mentakwilkan segala hakikat itu ialah puak Ahli Ibadat sebagaimana disebutkan oleh Al-Imam Al-Imam An-Nasafiyyi dan Al-Taftaazani serta Al-Baijuri di atas ini. Jadi padanya Al-Mahdi, Ad-Dajal, binatang (Daabbah) yang keluar dari bumi yang tersebut dalam Al-Quran padanya semuanya bukan hakikat hanya bayangan sebagaimana perkataan Al-Mulhidul Kaafiri Taha Husain pada Nabi Ibrahim dan Ismail Alaihissalam kedua-duanya itu orang rekaan, telah lalu sebutannya di atas ini.

Dengan ini Ash-Shaikh itu nampaknya mengikut jejak langkah puak Batiniyyah seperti Qadiyaniyyah dan Bahaiyyah atau Bahai pada mentakwil apa sahaja dari agama Islam mengikut kesukaannya. Akhirnya nanti tiada Allah yang Esa dan tiada Rasulullah Sayidina Muhammad yang tunggal. Akhirnya Bahai mengaku menjadi Tuhan dan Qadiyani mengaku Nabi dan orang-orang lain mengaku menjadi Al-Imam Al-Mahdi dan seumpamanya. Jadi semuanya dalam dunia ini khayalan dan bayangan. Inilah kufur dan sedalam-dalam murtad dan

dungu orang-orang yang serupa ini. Sayugia dibakarkan jarinya dengan api supaya ia mengaku dan menerima bahawa ada hakikat api itu dan api membakar anggotanya dan lain-lain seumpamanya sebagaimana kata ulama bagi mengajar puak Laadriyyah yang khayal yang mengatakan tiada ada sesuatu hakikat. Ketahuilah bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam datang mengajar manusia akan hakikat agama seperti hakikat sembahyang, puasa dan haji dan hakikat Ka'abah, Israk, langit dan Allah, Rasul, Adam, Nuh, Malaikat, Jin, Syurga, Neraka dan sebagainya. Wallahu-aklam.

Suatu hadis dalam Al-Arba'eenan Nawawiyah berbunyi: Sahabat-sahabat memohon daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam suatu pesanan yang mana tujuan hadis ini adalah menyuruh bertakwa kepada Allah dan taat setia kepada pemerintah sekalipun raja atau pemerintah hamba sahaya, kamu akan melihat berbagai-bagai perkara yang menyalahi agama Islam, maka hendaklah kamu pegang Sunnah (hadis atau

perjalanan) saya, dan perjalanan khalifah-khalifah Raashidin Muhiyyin lepas saya, pegang betul-betul akan perjalanan-perjalanan itu, dan juga hendaklah kamu menjauhi perkara-perkara yang direka-reka dan bid'ah, kerana tiap-tiap benda yang direka dalam agama adalah ia sesat.

(Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Abu Daud dan At-Termidzi dan katanya ini Hasan Sahih dan Al-Imam Al-Imam Ahmad dan Ibnu Majah).

Dari hadis ini kita dapat memahami bahawa apabila kita umat Islam mengangkat raja atau pemerintah hendaklah kita tumpukan sepenuh-penuh taat setia dan bekerjasama dan menyokongnya, jangan kita ikut kaum yang bukan Islam, tiap-tiap hari kita mendengar pembunuhan dan perkelahian dan lain-lain dengan bersatu padu dan bekerjasama, kuat pendirian kita dan musuh-musuh yang mahu mengancam kita, tiada akan dapat berbuat apa-apa dan kita selamat dan aman tenteram. Ini ajaran Rasulullah dan kita berpegang dengan perjalanan Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Osman

Bahagian ketujuh belas

dan Sayidina Ali serta Sayidina Al-Hassan bin Ali. Jangan kita mengada-adakan dan mereka-reka dalam perkara agama atau membuat bid'ah selagi tiada ada dalil adanya perkara itu dalam agama Islam, maka Sayidina Ali telah meriwayatkan perkara Al-Imam Al-Mahdi dan sahabat Huzaifah bin Al-Yaman telah meriwayatkan juga dan Sayidina Umar tiada hendak menyembahyangkan mayat seseorang melainkan apabila sahabat Huzaifah telah menyembahyang mayat itu. Kerana sahabat Huzaifah mengetahui banyak perkara yang akan berlaku, yang didengarnya daripada Rasulullah sebagaimana kata Al-Allamah Ibnu 'Allan dalam Al-Azkar. Dan sahabat Ibnu Abbas dan Ibnu Masud, kedua-duanya penasihat kepada Sayidina Umar sebagaimana kisah Ibnu Masud ketika ia dihantarkan ke Kuffah. Berkata Sayidina Umar Khalifah Al-Mu'minin yang ertinya: Saya lebihkan kamu (penduduk Kuffah) dari diri saya dengan Abdullah (Ibnu Masud).



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Kemudian orang-orang yang hidup kurun 20 menyalahkan ulama hadis, ulama Tauhid, ulama Tafsir dan ulama Fiqh dari awal-awal Islam, ulama-ulama itu telah diterima oleh umat Islam akan perkataan mereka. Dan orang kurun 20 mengungkit-ungkit ulama Islam itu, adakah orang kurun 20 itu khawarij yang kasar sebagaimana dalam Tarikh Al-Firqah seperti Al-Farqun Binal Firqah dan At-Tabisir dan lain-lain. Saya fikir mereka itu tiadalah sama dengan debu kasut Shaikhul Islam Ibrahim Al-Baijuri yang meninggal dunia tahun 1277 Hijrah, kitab-kitabnya masih digunakan dalam Al-Azhar seperti Tuhfatul murtadi 'alaa jauharaatit tauhid yang raja-raja Mesir datang ke rumahnya minta nasihat dan Ash-Shaikh itu tiada pergi ke istana sebagaimana kata tuan-tuan guru di Al-Azhar.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



TIMBALAN Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad beserta dengan pegawai kanan kerajaan, penyarah-penyarah, mahasiswa dan mahasiswi dari UBD ketika menghadiri majlis tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

Sambutan Maulud anjuran UBD

GADONG. — Bagi memperingati keputeraan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan majlis ceramah dan berbagai acara keagamaan, yang berlangsung di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan di sini pada 11 November lepas.

Timbalan Menteri Pelajaran Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat telah hadir sebagai tetamu kehormat di majlis tersebut.

Sambutan yang dianjurkan oleh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei

Darussalam itu telah mengundang Prof. Madya Dr. Ahmad Daudy, Dekan Jabatan Pengajian Islam di universiti tersebut bagi menyampaikan ceramah yang berkisar dengan perjuangan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Walaupun sibuk menghadapi pelajaran tetapi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam berpeluang mengadakan ataupun menganjurkan berbagai-bagai aktiviti termasuk majlis keagamaan di hari tersebut.

Beratus-ratus mahasiswa dan mahasiswi memenuhi dewan bagi sama-sama mendengarkan ceramah dan berbagai acara di majlis itu. Yang mana di awal acara ba-

caan ayat-ayat suci Al-Quran telah disampaikan oleh Awang Haji Hamzah Mustapa, salah seorang mahasiswa universiti itu.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Awang Azhari bin Haji Chuchu di majlis itu juga telah menyampaikan ucapan alu-aluan, yang mana antara lain berkata bahawa dengan adanya majlis seumpama itu akan dapat memperkukuhkan lagi keimanan kita terhadap junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, khususnya agama Islam.

Di samping itu acara di sambutan itu juga diserikan dengan persembahan berzanji yang disampaikan oleh Dayang Rosni Abu Bakar serta persembahan nasyid dan marhaban dari siswa dan siswi universiti itu.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 18 November, hingga ke hari Selasa 24 November, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
November												
18	12.08	3.27	3.28	6.01	6.02	7.14	7.15	4.55	4.41	4.56	6.08	6.09
19	12.08	3.28	3.29	6.01	6.02	7.14	7.15	4.55	4.41	4.56	6.08	6.09
20	12.08	3.28	3.29	6.02	6.03	7.15	7.16	4.56	4.42	4.57	6.09	6.10
21	12.08	3.28	3.29	6.02	6.03	7.15	7.16	4.56	4.42	4.57	6.09	6.10
22	12.09	3.28	3.29	6.02	6.03	7.15	7.16	4.56	4.42	4.57	6.09	6.10
23	12.09	3.29	3.30	6.02	6.03	7.15	7.16	4.56	4.42	4.57	6.10	6.11
24	12.09	3.29	3.30	6.02	6.03	7.16	7.17	4.57	4.43	4.58	6.10	6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Menerima sijil penghormatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai dari negara kita telah menerima sijil penghormatan Safety Council Diploma dalam bidang Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan.

Mereka menerima penghormatan tersebut dalam satu majlis yang berlangsung di House of Commons, Westminster, London pada hari Khamis 22 Oktober lepas.

Mereka ialah Pg. Abu Bakar bin Pg. Haji Hitam Pegawai Bomba, Awang Latiff bin Mail Penolong Pegawai Bomba, Awang Haji Misli bin Haji Tuah,

Penolong Pesuruhjaya Buruh dan Awang John Foo Jee Kam, Pegawai Keselamatan Shell Brunei.

Sijil-sijil tersebut disampaikan oleh Pengarah Am British Safety Council, Awang James Tye.

Mereka adalah di antara dari 27 buah rombongan dari 15 buah negara lain yang mewakili berbagai-bagai perusahaan yang berjaya menamatkan Kursus Latihan Antarabangsa British Safety Council 1987 termasuklah dari Negara Timur Jauh, Teluk, India, Afrika Selatan, Amerika dan Eropah.

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Akhir-akhir ini penduduk dunia termasuk juga penduduk di negara kita Brunei Darussalam sedang dilanda oleh suatu perasaan iaitu perasaan takut atau ketakutan.

Ada yang takut mati cepat, kerana ajal apabila tiba masanya tiada siapa yang boleh menambah atau mengurangkannya. Ada yang takut kepada peperangan kerana pada zaman ini di mana-mana kita lihat dan saksikan berlaku peperangan dan pembunuhan. Ada yang takut dijangkiti oleh berbagai-bagai penyakit seperti penyakit 'AIDS', penyakit lemah jantung, penyakit darah tinggi dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini akan menyerang siapa sahaja tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya, di negara kaya atau miskin. Ada yang takut kepada bencana alam seperti banjir, puting beliung, tanah runtuh, kemarau panjang dan lain-lain lagi. Pendeknya pada masa ini penduduk dunia merasa takut dan bimbang dan tidak mempunyai ketenteraman dan kedamaian jiwa.

Di samping perasaan takut tadi penduduk dunia hari ini juga menghadapi suatu masalah besar iaitu kebuluran dan kelaparan, di mana-mana dapat kita baca dan dengar kebuluran dan kelaparan berlaku, bukan satu atau dua ribu tetapi ratusan ribu malahan ratusan juta manusia menghadapi masalah ini. Sama ada disebabkan kekurangan makanan akibat bencana alam, peperangan dan sebagainya.

Pendek kata perasaan takut dan kelaparan ini sama-sama dirasakan baik yang beragama Islam ataupun tidak beragama Islam. Soalnya adakah kedua-dua musibah atau bala ini diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala bersebab atau tidak bersebab? Atau adakah musibah ini saja-saja Allah turunkan atau disebabkan oleh perbuatan kita sendiri?

Kita perhatikan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahli ayat 112 bagi menjawab soalan tadi yang bermaksud:


DEMIKIAN Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada mereka yang sangat-sangat kufur.

Mensyukuri nikmat Allah kewajipan kita

"Dan berhubung dengan kaum yang engkar dan kufur Allah memberikan satu misal, sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur terhadap nikmat-nikmat itu, lalu Allah merasakan mereka dengan pakaian kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka lakukan."

Di dalam ayat ini Allah Subhanahu Wataala memberikan suatu misal sebuah negeri yang aman damai serta makmur, dikurniakan berbagai-bagai kenikmatan yang berupa rezeki yang datang dari semua segi tetapi akhirnya keamanan, ketenteraman, kenikmatan dan rezeki yang melimpah-ruah itu ditarik balik oleh Allah Subhanahu Wataala dan digantikan dengan kelaparan dan ketakutan yang dirasakan dan dialami oleh penduduknya. Kenapa terjadi demikian? Kerana mereka kufur terhadap nikmat-nikmat Allah yang diberikan kepada mereka.

Dalam ayat ini adalah jelas bahawa Allah Taala amat pemurah kepada hamba-hamba-Nya, kenikmatan dan rezeki didatangkannya dari mana-mana sahaja. Dari langit diturunkan hujan yang menyuburkan bumi yang menumbuhkan berbagai-bagai pokok buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Dari perut bumi dikeluarkan bermacam-macam jenis galian, minyak, gas, emas, perak, arang batu dan sebagainya. Begitu juga dari dalam laut. Ada juga negara yang tidak dituruni hujan, buminya tidak menghasilkan apa-apa bahan mentah untuk sumber ekonominya tetapi kedudukannya sesuai sebagai negara perdagangan. Semua ini adalah



DAN berhubung dengan kaum yang engkar dan kufur Allah memberikan satu misal, sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur terhadap nikmat-nikmat itu, Allah merasakan mereka dengan pakaian kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka lakukan.

kenikmatan dan rezeki dari Allah Taala yang patut disyukuri, dijaga serta digunakan dengan selayaknya mengikut hukum dan sunnah yang telah ditetapkan oleh Pengurniannya (Allah) kerana inilah punca segala keamanan, kedamaian dan kemakmuran.

Sebagai teladan kita perhatikan kisah dalam Al-Quran dalam Surah Saba' ayat 15 hingga 17 di mana Allah Taala menceritakan kisah penduduk negeri Saba' (Yaman Tua) yang kufurkan nikmat Allah lalu Allah turunkan bala bencana kepada negeri tersebut. Firman Allah bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' (suatu tanda yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka iaitu dua kumpulan kebun yang luas lagi subur yang terletak di sebelah kanan dan kiri kampung mereka, makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya, negeri kamu ini adalah negeri yang aman, baik dan makmur dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang maha pengampun. Maka mereka berpaling dan engkar lalu Kami hantar kepada mereka banjir yang membinasakan dan Kami gantikan dua kumpulan kebun yang subur itu dengan dua kumpulan kebun yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah dan sedikit pohon bidara."

"Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka, dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada mereka yang sangat-sangat kufur."

Barangsiapa yang engkarkan Allah, Pencipta dan Pengurni segala nikmat maka mereka adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Barangsiapa tidak bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan Allah kepadanya, maka mereka adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Barangsiapa yang tidak menjaga dan memperlakukan nikmat Allah seperti yang dikehendaki oleh Allah, maka mereka adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Barangsiapa melakukan maksiat dan menyalurkan nikmat Allah untuk kemaksiatan tersebut, maka mereka adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Barangsiapa menggunakan nikmat Allah hanya untuk kepentingan dan kelazatan dirinya sendiri serta mengharamkan orang dari mendapatkan nikmat tersebut maka mereka adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Oleh itu mensyukuri nikmat Allah itu adalah menjadi kewajipan kita setiap yang beriman kepada Allah sama ada dengan cara mengucapkan tahmid dan syukur kepada Allah di samping penggunaan segala nikmat-nikmat itu pada perkara-perkara yang direndai oleh Allah Subhanahu Wataala serta meningkatkan amal ibadat dan usaha-usaha yang berkebalikan. Mudah-mudahan dengan itu Tuhan akan menambahkan lagi kurnia nikmat-Nya kepada kita.

TENANGKAN JIWA DENGAN SEMBAHYANG

Menuju Keredaan Allah

MANUSIA di zaman moden dan serba kompleks ini tidak akan dapat mengelakkan dari menempuh dua jalan. Pertama gelombang hidup yang membawa kebahagiaan dan yang keduanya gelombang hidup yang membawa kesengsaraan atau keceklakan. Jadi terpujalah kepada manusia itu sendiri untuk memilih sama ada jalan bahagia atau sebaliknya.

Tidak sesiapa pun yang menolak kebahagiaan, dan tidak sesiapa pun yang inginkan dirinya menjadi hina atau sampah masyarakat. Kebahagiaan hidup tidak boleh dibeli dengan wang ringgit, hanya terserahlah kepada manusia untuk mendapatkannya.

Kebahagiaan hidup yang sebenarnya adalah berasaskan kepada ketenangan jiwa. Sebab jiwa itu sendiri akan mencorak warnakan liku-liku perjalanan hidup manusia. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud: "Dalam diri manusia itu terdapat seketul daging. Apabila daging yang seketul itu baik maka akan baiklah seluruh tubuh badannya. Dan apabila daging yang seketul itu rosaklah seluruh badannya. Dan daging yang seketul itu ialah HATI."

Dari hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ringkas tersebut dapatlah kita ertikan bahawa

kebahagiaan itu akan dapat kita peroleh, sekiranya hati atau jiwa itu dijaga dengan sempurna. Sebaliknya jika hati atau jiwa itu tidak dijaga dan diasuh dengan sebenarnya, inilah yang akan mengakibatkan kehidupan seseorang itu tidak tenteram, sentiasa merasa resah gelisah dan akibat darinya akan mencetuskan beberapa penyakit jiwa yang membahayakan diri manusia itu sendiri. Misalnya penyakit putus asa, rasa rendah diri yang melulu, dukacita yang berlanjutan dan berbagai-bagai penyakit.

Jenis-jenis penyakit yang telah disebutkan tadi adalah sangat terlarang, sebab Islam bukanlah agama yang lemah, tetapi Islam adalah agama yang mementingkan iman dan amal, keyakinan dan akidah-akidah yang teguh terhadap Allah Subhanahu Wataala. Lantaran itulah

Islam sangat membenci kalau ada antara umatnya yang hanya mengeluh pada takdir semata-mata tanpa berusaha dan bekerja bagi mencapai sesuatu kejayaan.

Jangan diikuti sikap setengah orang yang memohon dan berdoa panjang-panjang bila susah, tetapi apabila sudah mengecap nikmat dan kebahagiaan yang dikurniakan Allah mereka lupa segala-galanya, malah ada yang menjadi sombong dan bongkak setelah nikmat-nikmat itu diperolehi. Itulah di antara tanda-tanda jiwa yang kotor dan berpenyakit.

Islam telah mengajar kita bagaimana mententeramkan jiwa. Agama adalah sebaik-baik benteng di dalam menghadapi sesuatu atau mengatasi kesulitan hidup. Jadi dapatlah dikatakan agama juga satu sumber yang penting yang boleh memulihkan insan mendapat tenaga baru, kepadanya tempat kembali dalam membuat sesuatu tindak-tanduk. Oleh yang demikian dekatkanlah diri kepada ajaran Islam, renunglah alam sekeliling yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wataala. Allah juaiah yang memberikan kebahagiaan dan ketenangan jiwa kita dalam mengharungi alam dunia dan alam akhirat.

Dalam hal ini Islam telah menganjurkan bagi mendapatkan ketenangan jiwa, salah satu di antara caranya ialah dengan melatihkan dan mencenderungkan diri kita kepada ibadat sembahyang atau lebih tegas lagi iaitu dengan mengingati Allah. Mengingati Allah yang dimaksudkan di sini ialah melakukan ibadat sembahyang dengan khusyuk dan membulatkan hati dan fikiran kepada Allah semata-mata. Sembahyang itu jika diamalakan dengan bersungguh-sungguh ia bukan sahaja boleh membersihkan jiwa dari berbagai penyakit-penyakit batiniah juga memberikan kesihatan anggota tubuh badan dengan adanya gerakan-gerakan jasmaniah di dalamnya.

Dari segi lain pula Allah Subhanahu Wataala telah menegaskan di dalam Al-Quran dalam surah Al-Mukminun ayat 1 dan 2 yang bermaksud kira-kira: "Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman yang mengerjakan sembahyang dengan penuh khusyuk."

Dengan itu, sembahyang tetap merupakan satu-satunya ibadat yang tinggi martabatnya di sisi Allah demi untuk kebahagiaan hamba-hamba-Nya di dunia dan akhirat.

ERATKAN HUBUNGAN DI BIDANG KETENTERAAN



BANDAR SERI BEGAWAN.

— Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu telah menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Madya Datuk Seri Abdul Wahab di Kementerian Pertahanan di Istana Nurul Iman di sini pada 12 November lepas.

Laksamana Madya Datuk Seri Abdul Wahab adalah dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini yang bertujuan mengeratkan dan merapatkan hubungan antara kedua pihak khususnya di bidang ketenteraan.

Di antara yang hadir petang itu ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Alimin dan Ketua Turus Angkatan Bersenjata, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu ketika menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Madya Datuk Seri Abdul Wahab.

Liputan oleh Haniza Abdullah dan Bolhassan HAB
Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO, Pg. Hj. Yaakub dan Harun Rashid.

LAKSAMANA Madya Datuk Seri Abdul Wahab memberikan penerangan berkenaan dengan fungsi bilik kawalan KD Kasturi kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan ketika Yang Amat Mulia melawat ke kapal tersebut (atas).

TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu ketika memerhatikan sebahagian daripada peralatan yang terdapat di KD Marikh (kanan).



Laksamana Madya Datuk Seri Abdul Wahab berserta pegawai-pegawai kanan tiba di negara ini dengan menggunakan kapal KD Kasturi, KD Marikh dan KD Mahamiru pada 10 November lalu. Ketibaan mereka di Pengkalan Tentera Laut di sini telah dialu-alukan oleh Pemerintah Angkatan Tentera, Yang Dimuliakan Pehin Indera Setia Brigedier Jeneral Dato Paduka Haji Sulaiman bersama isteri, Datin Hajjah Noraini dan Pegawai Pemerintah Tentera Laut, Leftenan Kolonel Mohd. Noeh serta pegawai-pegawai dari Tentera Laut Diraja Brunei.

Semasa di negara ini mereka juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, di Berakas Garison.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berbual mesra dengan Laksamana Madya Datuk Seri Abdul Wahab, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia bertempat di Berakas Garison.

LAKSAMANA Madya Datuk Seri Abdul Wahab, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia ketika memeriksa perbarisan yang terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan).



Ambil berat pelajaran murid-murid

BANDAR SERI BEGAWAN.

Guru-guru dan penjaga murid-murid diseru supaya agar terus mendidik dan mengambil berat terhadap pelajaran murid-murid dan anak-anak mereka.

Demikian seruan yang dibuat oleh Pengiran Haji Baharuddin bin Pengiran Haji Jaluddin, Pengurus Sistem Komputer Vax, Jabatan Komputer Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad sebelum menyampaikan hadiah-hadiah Kepujian Shell Brunei bertempat di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini pada 15 November lalu.

Menurutnya, peng-anugerahan hadiah-hadiah tersebut adalah merupakan sokongan syarikat tersebut terhadap usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan mutu dan kualiti pelajaran di negara ini.

Ke arah itu, katanya, adalah diharapkan dengan adanya penganugerahan sedemikian akan dapat memberikan galakan dan dorongan kepada murid-murid untuk terus berusaha mencapai kejayaan di masa akan datang.

Seramai 144 orang murid terbaik dari sekolah-sekolah agama Daerah Brunei-Muara dan Temburong telah menerima hadiah-hadiah tersebut.

Satu pameran sistem komputer dari Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad juga telah diadakan.

JALAN TUTONG. — Kesejahteraan dan keharmonian di negara kita akan terus terjamin dan kekal sekiranya kita mengambil sikap supaya tidak mudah tergugat oleh penyerapan nilai-nilai anti iman dan agama.

Hakikat ini perlu disedari kerana tujuan mereka yang tidak bertanggungjawab adalah untuk memecah-belahkan pegangan dan kepercayaan kita pada agama dan seterusnya meruntuhkan perpaduan dan menggugat muafakat kita sebagai rakyat yang cintakan keamanan.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin ketika membuka rasmi pertandingan membaca Al-Quran antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Undang-Undang pada malam Sabtu, 14 November lepas.

Di samping itu, Yang Amat Mulia telah menyeru pegawai-pegawai dan kakitangan menerima sistem kerja baru dan moden bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran kerajaan.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan dalam jabatan-jabatan di bawah Kementerian Undang-Undang yang telah menyumbangkan khidmat bakti serta kerjasama pada menjayakan dasar-dasar yang dijalankan oleh Kementerian Undang-Undang semata-mata pada menjunjung usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke arah pembangunan dan kesejahteraan

JAUHI DARIPADA NILAI-NILAI ANTI IMAN, AGAMA



JOHAN qari, Awang Haji Yusoff bin Haji Tengah menerima hadiah yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang (atas kiri). Sementara Datin Masni binti Haji Mohd. Ali menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan qariah, Dayang Rakiah binti Tuah (atas kanan). — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.



Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

negara selaras dengan hasrat baginda yang sentiasa menekankan supaya pentadbiran kerajaan baginda bersikap efisien dan amanah, bersih dari rasuah serta penyelewengan kuasa," ujar Yang Amat Mulia.

Pertandingan kali kedua yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Undang-Undang pada malam itu telah disertai oleh enam orang qari dan lima orang qariah.

Terdahulu sebelum itu, Pengarah Percetakan, Dato

Paduka Awang Haji Mohd. Yunos, selaku pengerusi jawatankuasa pertandingan telah memberikan ucapan alu-aluan.

Johan qari disandang oleh Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Tengah yang mewakili Jabatan Peguam Negara, sementara bahagian qariah dijuarai oleh Dayang Rakiah binti Tuah dari Jabatan Percetakan.

Naib johan qari ialah Awang Rosli bin Haji Omar,

dan ketiga Awang Haji Gharif bin Haji Taim kedua-duanya dari Jabatan Percetakan.

Manakala tempat kedua bahagian qariah ialah Dayang Hajjah Mariam binti Haji Abd. Hamid dan ketiga, Dayang Hajjah Siti Hamedah binti Haji Abd. Rahman, kedua-duanya dari Jabatan Percetakan.

Pertandingan pada malam tersebut diselenggarakan juga dengan peraduan nasyid di antara Jabatan Percetakan,

Peguam Negara dan Kehakiman yang mana kumpulan Nasyid Jabatan Percetakan muncul sebagai juara.

Tetamu kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang bahagian qari sementara Datin Masni binti Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang bahagian qariah.

Pertandingan Al-Quran antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Undang-Undang kali kedua ini bertemakan 'Menghayati Al-Quran Sumber Kebahagiaan'.

IDP bantu perkembangan pendidikan negara

GADONG. — Satu perjanjian di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan International Development Programme of Australian Universities and College Limited (IDP) telah ditandatangani pada petang Sabtu, 14 November lepas.

Di dalam perjanjian itu antara lain pihak IDP akan

memberikan bantuan perkhidmatan dalam perkembangan pendidikan tinggi.

Universiti Brunei Darussalam diwakili oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Hajjah Azizah binti Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Manakala pihak IDP

diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya, Profesor Ken Back. Pendaftar Universiti Brunei Darussalam, Awang Mohd. Dennis bin Haji Roslee dan Tuan Yang Terutama Awang John McCartney Starey, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini turut menyaksikan perjanjian tersebut.



PEMANGKU Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Hajjah Azizah bte Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah bagi pihak Universiti Brunei Darussalam dan Pengarah Eksekutif International Development Programme of Australian Universities and Colleges Limited (IDP), Profesor Ken Back masing-masing menandatangani nota-nota perjanjian. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 11 November, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Kicap Seri Manis—Pekat dan Masin (Bru) 640ml sebotol \$2.20.
 - a) Kedai Chop Kian Lee A4, Jalan Robert.
 - b) Taste Top Trading Company No. 144A Jalan Pemanca.
- 2) Bawang Besar 1 kilogram \$1.30/1 kati 80 sen.
 - a) Kedai Chop Hock Huat No. 62 Jalan McArthur.
 - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
- 3) Udang Kering 1 kilogram \$15.00/1 kati \$9.00.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
 - b) Chop Chin Seng No. 26 Jalan Sultan.

TUTONG 5082

- 1) Kicap Seri Manis—Pekat dan Masin (Bru) 640ml sebotol \$2.20.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 2) Bawang Besar 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Hoe Heng No. 4 Jalan Enche Awang.
- 3) Udang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA 7087

- 1) Kicap Seri Manis—Pekat dan Masin (Bru) 640ml sebotol \$2.20.
 - a) Kedai Haji C. A. Mohammad No. 51 Jalan Bunga Kuning.
- 2) Bawang Besar 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Udang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT 6083

- 1) Kicap Seri Manis—Pekat dan Masin (Bru) 640ml sebotol \$2.20.
 - a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
 - b) Kedai Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.
- 2) Bawang Besar 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Chin Fatt No. 60B, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 3) Udang Kering 1 kilogram \$14.15/1 kati \$8.60.
 - a) Kedai Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.

Kemudahan kepada penderma darah akan dipertimbang

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan untuk memberikan beberapa kemudahan kepada mereka yang kerap menderma darah di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohd. Yassin berkata, di antara kemudahan itu termasuklah memberikan keutamaan bagi penderma darah dalam menikmati perkhidmatan-perkhidmatan perubatan di rumah-rumah sakit.

"Ini juga termasuk keutamaan berjumpa dengan doktor dan dalam menempah katil atau bilik kelas pertama untuk diri mereka," jelasnya.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan berkata demikian di Majlis Penyampaian Sijil-sijil dan Cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan penderma-penderma darah

Oleh Zubaidah HS

yang berlangsung di Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kiulap di sini pada 14 November lepas.

Pengiran Mohd. Yassin, juga berkata, jumlah darah yang diterima oleh pusat-pusat pemindahan darah di tahun-tahun kebelakangan ini kurang mencukupi dan kurang menepati dengan penggunaan darah di seluruh negara, walaupun jumlah penerimaan 'pint' darah pada tiap-tiap tahun meningkat.

Katanya, ini adalah disebabkan kumpulan-kumpulan darah yang diperlukan tidak seimbang dengan penggunaan harian, di samping adanya setengah orang yang bersikap enggan membuat sebarang pendermaan tetapi mahu menerima untuk dirinya sendiri.

Di majlis itu, Pengiran Mohd. Yassin juga

menekankan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan supaya sentiasa memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai sentiasa dikawal dan terjamin dan boleh menghasilkan prestasi perkhidmatan yang tinggi nilainya.

Kira-kira 300 orang penderma darah dari seluruh negara telah menerima sijil dan cenderamata pada hari tersebut. Ini termasuklah 27 orang menerima perisai, 48 orang menerima pingat emas dan 216 orang menerima pingat perak.

Penyampaian sijil-sijil ini telah disempurnakan oleh Pengiran Mohd. Yassin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, iaitu selaku wakil peribadi kepada Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, sijil-sijil kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara, juru-jururawat, bidan-bidan dan Merinyu Kesihatan yang menamatkan kursus serta kepada juru-jururawat dan bidan-bidan yang terbaik telah disampaikan oleh Dato Paduka Dr. Haji Hussain, Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Majlis tersebut juga telah berpeluang memperdengarkan Syarahan Khas yang bertajuk "Islam Dengan Kesihatan Secara Umum" yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Aziz bin Juned.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin ketika hadir di majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Kadi-kadi Daerah diseru: PIKUL T-JAWAB KE ARAH KEMAJUAN DAERAH

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

TEMBURONG. — Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Seruddin mengalu-alukan kerjasama dari pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong bagi mengembangkan dakwah dan syiar Islam di kampung-kampung di daerah itu.

Menteri Hal Ehwal Ugama berkata demikian dalam majlis perjumpaannya dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama daerah itu pada 13 November lepas di

Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di sini.

Yang Berhormat juga melahirkan hasratnya supaya kadi-kadi daerah khususnya daerah ini agar mengambil peranan dan tanggungjawab yang penting ke arah perkembangan daerah itu.

Di majlis itu Yang Berhormat telah mendengar beberapa taklimat dari Kadi Daerah Temburong, Awang Lamit bin Haji Ibrahim dan pegawai-pegawai yang lain mengenai hal-ehwal pentadbiran, penyiasatan, termasuklah beberapa kes yang diselesaikan, perkembangan sekolah dan agama di daerah

itu.

Yang Berhormat juga seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk Kampong Bokok bertempat di masjid kampung itu.

Majlis perjumpaan itu bertujuan untuk mengeratkan tali persaudaraan (kekeluargaan) antara pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong di samping mendengar taklimat mengenai kemajuan yang sedang dan akan dicapai oleh jabatan itu.



PENGIRAN Mohd. Yassin Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan ketika menyampaikan sijil dan pingat kepada salah seorang penderma darah. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



SEBAHAGIAN daripada juru-jururawat yang menerima sijil di hari tersebut. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Shell Brunei sokong kerajaan tinggikan taraf pendidikan

Oleh Dk. Saidah PO

mereka supaya menumpukan penuh perhatian pada pelajaran mereka.

Seramai 70 orang murid-murid sekolah rendah di daerah tersebut menerima hadiah mereka yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Majlis pada hari tersebut didahului dengan ucapan aluan oleh Penyelia Tertinggi Sekolah-sekolah Daerah Belait, Awang Jali bin Radin.

Juga hadir pada hari tersebut ialah beberapa orang pegawai kanan Syarikat Minyak Shell Brunei dan ibu bapa murid-murid.

KUALA BELAIT. — Syarikat Minyak Shell Brunei akan bekerjasama dan menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan taraf pendidikan di negara ini.

Ini dinyatakan oleh wakil Syarikat Minyak Shell Brunei, Pengiran Yasmin bin Pengiran Mohammad selaku tetamu kehormat di majlis penyampaian hadiah Kepujian Shell Brunei di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin di daerah tersebut pada hari Sabtu, 14 November lepas.

Pengiran Yasmin juga menggesa guru-guru dan ibu bapa murid agar memberi galakan pada anak-anak



PENGIRAN Yasmin wakil Syarikat Minyak Shell Brunei menyampaikan hadiah kepujian kepada salah seorang murid pada hari tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.



PENGIRAN Haji Alaaddin, Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap di Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan ketika berucap membuka rasmi Kursus Lanjutan Kepimpinan Belia baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Pekerja belia disifatkan ejen penggerak

Amalkan sikap pemedulian dalam setiap pekerjaan

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

GADONG. — Pegawai dan Pekerja Belia adalah disifatkan sebagai ejen penggerak dalam proses perkhidmatan dan perkembangan belia juga pendamping antara Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan belia-belia di negara ini sama ada melalui persatuan atau secara individu.

Oleh itu, adalah perlunya mereka mempunyai peranan penting dalam perkembangan belia di negara ini dan memerlukan pendedahan yang seluas-luasnya dalam bidang pekerja belia serta mengamalkan sikap

pemedulian dalam menghayati pekerjaan masing-masing yang telah diamanahtukan.

Menegaskan demikian di majlis perasmian Kursus Lan-

jutan Kepimpinan Belia pada 11 November, lepas Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Alaaddin seterusnya menitikberatkan empat kemahiran yang perlu diutamakan sebagai strategi perkembangan belia di negara ini iaitu kepimpinan (leadership skills), kepandaian vokasional, perniagaan dan perindustrian.

Dalam suasana yang kita hadapi masa ini tegasnya, perhatian lebih hendaklah ditumpukan kepada "leadership skill" kerana ini kita memerlukan pimpinan-pimpinan yang berkesan untuk diturunkan kepada pemimpin-pemimpin persatuan belia.

"Dengan yang demikian proses transfer of training ini bukan sahaja akan dapat dilakukan tetapi juga akan dapat dipertingkatkan di peringkat-peringkat yang lebih tinggi," ujarnya.

Walau bagaimanapun tambahnya latihan-latihan dalam bidang lain sememangnya sudah wujud melalui sistem pelajaran secara formal di negara ini dengan cara tersendiri untuk kehendak persatuan-persatuan belia.

Kursus Kepimpinan Belia Peringkat Lanjutan ini anjuran bersama Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Unit Latihan Perjawatan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 21 orang para peserta yang terdiri dari pegawai dan pekerja belia Jabatan Kebajikan, Belia dan

Sukan mengahdirinya. Kursus selama dua minggu itu berlangsung di Gadong Village.

Dua orang penceramah dari Malaysia dijemput untuk mengendalikan kursus tersebut. Mereka ialah Pengarah Cawangan Latihan dan Bimbingan Belia, Kementerian Belia dan Sukan, Raja Ruslan Raja Samah dan Penolong Pengarah Unit Latihan Kepimpinan Pusat Latihan Belia, PERTAK, Selangor Awang Abdul Aziz bin Hamid.

Antara yang akan dibincangkan termasuklah cara gaya berfikir, peringkat-peringkat penting bekerja dengan orang lain, fungsi kepimpinan dan konsep serta amalan Islam Melayu Islam Berjaya.

SUSUN KADAR PERBELANJAAN SELARAS DENGAN PENDAPATAN

Oleh: Haniza Abdullah

PULAU. — Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie berkata, kaum wanita mempunyai peranan penting dalam menyusun perbelanjaan harian selaras dengan pendapatan masing-masing.

Datin Hajjah Jusnani yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Pertiwi menjelaskan, perkara itu penting ke arah langkah berjimat cermat memandangkan kadar perbelanjaan di negara ini yang semakin tinggi.

Berucap kepada lebih 200 orang wakil pertubuhan-pertubuhan wanita di majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Pertiwi, Datin Hajjah Jusnani memberikan misal bahawa negara Jepun adalah di antara negara yang paling maju pembangunannya masa kini.

Menurutnya salah satu sebab kemajuan negara itu ialah kerana sifat kaum wanitanya yang suka berjimat cermat dalam perbelanjaan hariannya dan ini menyebabkan wang simpanan negara itu digunakan bagi perkembangan pelaburan di dalam dan di luar negeri.

Dalam pada itu Datin Hajjah Jusnani kemudiannya mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini khususnya kaum wanita supaya sentiasa berwaspada dan bekerjasama membangun ekonomi negara, walaupun negara kita mempunyai hasil mahsul yang masih dapat memperkukuhkan ekonomi negara pada tahap yang stabil.



DATIN Hajjah Jusnani ketika berucap di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Majlis sambutan Maulud itu merupakan projek tahunan Persatuan Pertiwi dan telah dilangsungkan di Dewan Kuliah Pusat Dakwah Islamiah di sini pada 13 November lalu dan telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan kaum wanita dari seluruh negara.

Di samping berpeluang mendengarkan syarahan khas dari salah seorang pensyarah khas yang diundang dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui majlis seperti ini mereka juga berpeluang membaharui silaturahim dan beramah mesra di antara satu dengan yang lain bukan sahaja di antara ahli-ahli Pertiwi tetapi juga dengan ahli-ahli yang lain.

Khemah Belia Kebangsaan Disember depan

GADONG. — Khemah Belia Kebangsaan anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan akan diadakan pada penghujung tahun ini yang akan melibatkan 500 orang belia di negara ini.

Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Damit menyatakan demikian ketika berucap di majlis Kursus Lanjutan Kepimpinan Belia di Gadong Village di sini, pada 11 November lepas.

Perkhemahan yang akan dilancarkan itu memakan masa selama seminggu dan

berlangsung di Daerah Temburong bertujuan membimbing belia-belia negara ini ke arah yang bermanfaat, tegas Pengiran Haji Ibrahim.

Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan tambahnya telah mengendalikan beberapa kursus asas kepimpinan belia sejak tahun 1984 dengan disertai oleh 600 orang pemimpin belia di seluruh negara. Kursus dan seminar seterusnya ialah seminar pentadbiran persatuan sukan untuk meningkatkan mutu sukan yang akan melibatkan 90 % pemimpin belia.



SEBAHAGIAN dari kaum wanita yang menghadiri majlis tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

PERTANDINGAN BINTANG KECIL

PERTANDINGAN 'Bintang Kecil' merupakan salah satu projek tahunan yang dikendalikan bersama oleh Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan Negara Brunei Darussalam. Pertandingan pada tahun 1988 yang akan datang ini, genaplah 11 tahun usia 'Bintang Kecil' diusahakan oleh Radio Televisyen Brunei. Dalam usia sebelas tahun ini juga 'Bintang Kecil' telah melahirkan banyak bakat-bakat penanyi kanak-kanak tanahair. Di antara mereka itu ada yang telah meningkat dewasa dan terus pula berkecimpung di bidang seni suara dan juga seni muzik.

Bintang Kecil adalah merupakan gelanggang tempat kanak-kanak yang meminati seni suara beradu bakat dan kebolehan masing-masing. Hakikat ini memang telah disadari oleh pihak Radio Televisyen Brunei sendiri sejak mula mengendalikan projek pertandingan 'Bintang Kecil' ini pada tahun 1976 dulu.

Memandangkan betapa perlunya kanak-kanak di Negara Brunei Darus-

salam ini terdidik dalam seni suara dan seni muzik, pertandingan 'Bintang Kecil' tersebut terus diperbaiki dari masa ke semasa. Ini termasuklah di dalam pemilihan lagu-lagu yang disediakan, pemilihan para peserta pertandingan dan sebagainya. Perkara ini semuanya diambil perhatian adalah untuk meningkatkan mutu persembahan kanak-kanak tersebut. Kerana kanak-kanak ini suatu masa nanti meningkat dewasa. Jadinya, penanaman disiplin dan latihan-latihan untuk menghargai dan mematuhi di dalam semua peraturan seni suara dan seni muzik harus ditekankan di peringkat awal lagi.

Pada 14 November, 1987 yang baru lalu penyertaan untuk mengikuti pertandingan bagi tahun 1988, telah pun ditutup seperti yang telah dimaklumkan oleh pihak Radio Brunei sebelum ini. Seterusnya, kanak-kanak yang telah pun menghantar borang-borang penyertaan 'Bintang Kecil' mereka tentu akan diproses dan kemudiannya akan diberitahu tentang tarikh-tarikh pemilihan

awal kepada para peserta tersebut.

Sepertimana yang dinyatakan dalam borang-borang penyertaan pertandingan, siri-siri pemilihan awal 'Bintang Kecil 1988' telah pun ditetapkan jika sekiranya tidak ada apa-apa perubahan. Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang telah menghantar borang-borang penyertaan hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan dan juga maklumat-maklumat dari Radio Brunei pada setiap masa, sebelum pertandingan awal dilangsungkan.

Seperti yang dinyatakan di awal tadi, 'Bintang Kecil' ini adalah merupakan satu gelanggang, bagi memperlihatkan bakat semulajadi kanak-kanak melahirkan kebolehan-kebolehan mereka di bidang seni suara. Oleh yang demikian kepada penjaga dan juga para ibu bapa kanak-kanak itu biarkanlah mereka menentukan bakat dan kebolehan mereka sendiri. Terutama di dalam memilih lagu-lagu yang akan dibawakan nanti, kanak-kanak yang akan bertanding itu adalah diberi peluang untuk memilih lagu-lagu sama ada yang berunsurkan cinta terhadap ibu bapa, cintakan negara, cintakan agama, cintakan pelajaran dan cintakan suasana alam sekeliling.

Kejayaan kanak-kanak di dalam menyertai setiap pertandingan 'Bintang Kecil' adalah terletak pada sikap dan kebolehan kanak-kanak itu sendiri umpamanya haruslah bersikap patuh dan sentiasa mengikut arahan-arahan dari RTB. Setiap peraturan-

peraturan yang disediakan oleh pihak Radio Televisyen Brunei adalah satu perkara yang jitu dan telah diteliti secara terperinci dari masa ke semasa. Jadinya, apa jua maksud peraturan yang disediakan oleh pihak Radio Brunei haruslah mendapat kerjasama dari setiap penjaga dan juga ibu bapa kanak-kanak atau kanak-kanak itu sendiri.

Kebolehan kanak-kanak tentulah berbeza di antara satu dengan yang lain. Namun begitu pihak Radio sentiasa dapat mengasah dan mengasuh bakat dan kebolehan-kebolehan mereka itu. Yang pentingnya kanak-kanak itu haruslah mematuhi setiap disiplin, terutamanya disiplin semasa menghadiri latihan-latihan dan sebagainya seperti yang dihasratkan oleh pihak Radio Brunei.

Menerusi ruangan Radio Minggu Ini kami di semua bahagian penerbitan Radio Televisyen Brunei dan juga kakitangan teknikal mengucapkan selamat bertanding kepada semua kanak-kanak yang mengikuti pertandingan 'Bintang Kecil.'



Sudut Remaja

KELUARAN minggu ini kita akan dihiburkan dengan lagu-lagu persembahan dari Mahmud Haji Mohammad.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 16 November, 1987, jam 4.00 petang.

Sandiwara Radio:

'Hati Seorang Isteri'

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul "HATI SEORANG ISTERI," hasil tulisan Idayu, Negara Brunei Darussalam.

Sandiwara ini mengisahkan tentang seorang mualaf yang begitu tabah menghadapi cabaran hidup setelah ia mendirikan rumah tangga bersama Sahif. Siti Amilah terpaksa berhadapan dengan ibu mertuanya yang sangat membencinya lantaran dia bukanlah seorang wanita yang mempunyai latar belakang seperti yang dikehendakinya untuk menjadi seorang menantu.

Sejak berkahwin, Sahif sudah tidak sehaluan kata lagi dengan ibunya. Adakah saja yang tidak kena pada pandangan ibunya. Semua ini adalah berpunca dari niatnya untuk menjodohkan Sahif dengan Janariah tidak terlaksana. Ibu Sahif enggan mengaku Amilah sebagai menantunya.

Sahif terpaksa mencari jalan mengubah sikap ibunya. Demi untuk tidak bertengkar lebih jauh lagi, ia memutuskan untuk berpindah ke rumah lain. Mendengarkan hal itu, ibu Sahif dengan tidak usul periksa lagi terus menuduh Amilah memberikan ubat guna-guna kepada Sahif. Walau bagaimanapun Sahif memberikan penjelasan yang isterinya adalah seorang isteri yang baik dan taat kepada agama Islam, namun ibunya tetap membenci Amilah.

Setelah mereka berpindah ke rumah lain, ibu Sahif tinggal di rumahnya bersama dengan anak-anaknya yang lain. Satu hari Sahif menerima panggilan telefon dari abangnya dan mendapat tahu ibunya pengsan dan sedang berada di rumah sakit.

Selama ibu Sahif berada di rumah sakit, cuma Siti Amilah saja yang sanggup menjadi penunggunya. Bagaimanakah sikap ibu Sahif kepada Siti Amilah setelah menerima sendiri baktinya yang tidak ada pada anak-anaknya sendiri? Untuk mengikutinya, jangan lupa mendengar siarannya nanti pada 22 November, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Rasinah Pg. Haji Kahar.

Rancangan Belia

RANCANGAN Belia keluaran minggu ini akan dimuatkan dengan bahan liputan sekitar ketibaan Kapal Nippon Maru ke Negara Brunei Darussalam, dalam rangka persinggahan kapal tersebut ke negara-negara ASEAN dan Jepun.

Tarikh ketibaan kapal tersebut sama dengan tarikh Negara Brunei Darussalam menyambut Maulud Nabi iaitu pada 4 November, 1987.

Walaupun berada dalam pelayaran, belia-belie Brunei

yang dibekalkan untuk memberigakan konsep Negara Melayu Islam Beraja berganding bahu dengan peserta kapal belia yang lain, yang beragama Islam untuk mengadakan satu majlis Maulud Nabi dalam Nippon Maru.

Turut serta diundang ialah belia-belie jiran yang tidak beragama Islam.

Liputan penggambaran boleh ditonton dalam rancangan Belia pada 24 November, 1987.



Mari Memasak:

NASI BRIYANI CARA BANGLADESH

Bahan-bahannya :

- 605 gram Beras Briyani
- 907 gram ayam (dipotong-potong)
- 250 gram minyak sapi
- 1 gelas Yoghurt
- 1 gelas kacang jagus
- 10 biji lada hijau
- 1 sudu halia yang digiling
- 25 biji kismis
- 4 sudu teh cascasc yang telah digiling
- 8 biji pelaga hijau
- 8 sudu teh serbuk rempah sedikit kayu manis
- 1 biji bawang putih digiling
- sedikit garam
- pewarna oren
- air Ros
- 1 sudu teh gula
- 300 gram bawang merah.

Cara-cara Membuatnya :

Peramkan ayam dengan serbuk rempah, kayu manis, bawang putih, halia, cascasc, garam, lada hijau dan separuh bawang merah yang telah digiling tadi. Peram selama setengah jam.

Panaskan kualiti dan goreng separuh bawang merah yang

tertinggal tadi dengan minyak sapi sehingga menjadi warna keemasan dan kemudian bahagikan dua.

Basuh beras dan buang air. Kemudian masukkan beras, garam, kismis dan kacang jagus yang telah digoreng ke dalam minyak sapi tadi dan goreng selama lima minit.

Kemudian ambil lagi satu kualiti, panaskan dan simpan minyak sapi dan goreng bawang yang tertinggal sedikit, kemudian masukkan ayam. Masaklah sehingga ayam itu setengah masak.

Beras yang digoreng tadi dimasukkan ke dalam periuk nasi dan kemudian setelah ayam separuh masak, gaulkan ke dalam beras tadi dan ambillah air panas sebanyak 8 gelas untuk memasak beras tersebut. Tunggulah sehingga beras tersebut masak.

Setelah masak campurkan air ros, gula dan pewarna oren dan gaul hingga rata. Jika suka bolehlah dihias dengan bawang goreng atau salad dan acar.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

RABU 18 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS (Episod akhir)
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Winter Haunts" (Episod akhir)
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Mystery Of The Book"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "If You Suzie"
Banyak perkara yang tidak diduga berlaku kepada adik-beradik perempuan Russell apabila Sam mengatur kunjungan sahabat baik Patti dari Oregon.
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 MY SISTER SAM — sambungan
6.30 ANIMAL IN ACTION: "Don't Ate Me"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 SMALL WONDER: "Top Secret"
7.55 L. A. LAW: "Sparky Brackman"
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 VARIETIES VARIETIES
10.50 THE COLBY: "Fallon's Baby"
Fallon dan Jeff bimbang tidak teringat melihat anak perempuan Fallon yang lahir tidak cukup bulan bertarung dengan maut, Sable berazam untuk membuktikan Adrienne seorang ibu yang tidak bertanggungjawab dan keputusan ujian untuk menentukan siapa ayah anak itu menyemarakkan persaingan antara Jeff dengan Miles.
11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 19 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HEATHCLIFF — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 CHEMISTRY IN ACTION (Siri baru)
6.35 SUPERGRAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WEBSTER: "What Price Friendship" (Episod akhir)
Webster mendapati kawan-kawannya yang baru mengambil kesempatan terhadap kebajikan mereka apabila ia meminjamkan mereka wang yang diperolehi dengan jerih payahnya.
8.00 HUNTER: "From San Francisco With Love"
Seorang detektif polis yang cantik dari San Francisco menolong Hunter dan Dee Dee dalam usaha mereka menyelesaikan kes pembunuhan yang membingungkan yang ada kaitan dengan harta mendiang seorang jutawan.
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.35 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM: "Out Of Sync"
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "An Officer And A Gentleman"
12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 20 Nov.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 SEARCH FOR ADVENTURE: "World Greatest Ocean Race"
29 pelumba laut yang terbaik di dunia berentap dalam satu perlumbaan keliling dunia.
1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
2.15 SUKAN DUNIA
3.05 MASK
3.29 AZAN ASAR
3.34 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER (Episod akhir)
4.10 ADVENTURER: "Utu" (Episod akhir)
Tanpa bantuan sesiapa, Jack belayar kembali untuk menjemput kawan-kawannya dan mendapati mereka terlebih dahulu telah ditawan oleh Anderson kecuali Maru. Jack dan Maru membebaskan yang lainnya dan kembali ke tempat Maru di mana menurut firasatnya sesuatu yang buruk telah berlaku.
5.10 GRUMBLEWEEDS RADIO SHOW (Episod akhir)
5.35 THREE UP TWO DOWN
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.03 AZAN MAGHRIB
6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.18 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.30 THE MAKING OF "Terminator"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 REKASENI: "Cara Membuat Dastar"
7.55 MACGYVER: "Dalton, Of Spices"
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 FORUM: "Punca Utama Yang melibatkan Anak-anak Kekancan Dadah Dan Penghiduan Gum"
10.20 FALCON CREST: "Dark Passion"
11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 21 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WILDLIFE ON ONE: "Long African Day"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Try To Remember"
6.03 AZAN MAGHRIB
6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.18 ALF — sambungan
6.30 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 THREE'S COMPANY: "Friends And Lovers" (Episod akhir)
8.00 HOT SHOTS: "Cut Off In The Prime"
9.00 WARTA BERITA
9.25 ANEKARIA — ulangan
10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Lembah Duka"
11.55 EVIL TOUCH (Siri baru)
12.50 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN Gambar Inggeris "The Stunt Man" yang penuh dengan aksi yang akan dapat awdaaksikan pada hari Isnin kira-kira jam 10.50 malam.

AHAD 22 Nov.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.08 AZAN ZUHUR
12.09 SUSUNAN RANCANGAN
12.17 MUSICAL: "Duran Duran: Arena"

PETANG

- 1.15 BIG LEAGUE SOCCER
2.15 TAYANGAN GAMBAR INGGERIS: "Uncle Tom's Cabin"
3.29 AZAN ASAR
3.34 TAYANGAN GAMBAR INGGERIS — sambungan
3.45 SILVERHAWKS: "Fighting Hawk"
4.10 DRAMA
4.55 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL —sambungan
5.55 CENTURIONS: "Zone Dancers"
6.03 AZAN MAGHRIB
6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.18 CENTURIONS — sambungan
6.30 ONE BIG FAMILY: "Jackie's Party"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WHAT A COUNTRY!
7.45 MATLOCK: "The Therapist"
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIBURAN MINGGU INI
10.15 THE TWO MRS GRENVILLES: Episod I Bgh. II
11.05 HITCH HIKER: "Hired Help"
11.40 SIARAN TAMAT.

ISNIN 23 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letter — F & FL"
4.45 BITS AND PIECES: "Parrots"
4.55 SNORKEL
5.20 THE WORLD ABOUT US: "The Art Of Surviving" (Episod akhir)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.03 AZAN MAGHRIB
6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.18 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.30 THE EDISON TWINS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WHO'S THE BOSS? "Older Than Springtime"

- 8.00 O'HARA: "Jesse"
Suatu pembunuhan kejam dan ancaman untuk mencetuskan perkahwinan antara kumpulan samseng menanti kepulangan seorang ketua kumpulan dari penjara ke tempatnya. Ohara mesti mencari pembunuh itu dengan segera sebelum perkampungan yang aman itu dimusnahkan oleh perkahwinan ganas.

- 8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING

- 10.50 TAYANGAN GAMBAR: "The Stuntman"
Peranan Eli Cross yang dimainkan oleh Peter O'Toole adalah seorang pengarah filem yang terlalu ego. Apabila Cameron, seorang penjenayah yang diburu polis muncul ketika Cross sedang melakukan penggambaran Cross memberinya pekerjaan. Cameron menukar warna rambutnya dan melakukan tugas stunt dengan ghairah. Tetapi tugas stunt itu mula hilang keseronokannya apabila Cross mempertingkatkan peringkat bahayanya. Ini membuat Cameron yakin Cross sebenarnya mahukan ia mati dalam melakukan satu babak yang klimaks.

- 12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 24 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SEABERT
4.40 SQUARE ONE
5.10 JEM: "Adventures In China"
5.35 O-LA-LA
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 O-LA-LA — sambungan
6.03 AZAN MAGHRIB
6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.18 O-LA-LA — sambungan
6.30 ZERO ONE MAGAZINE

MALAM


- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.17)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 MARI MEMASAK: "Nasi Briyani Cara Bangladesh"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
7.55 AIRWOLF: "Windows"
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
Antara lain isi kandungan rancangan ini ialah liputan sekitar ketibaan Kapal Nippon Maru ke Negara Brunei Darussalam, dalam rangka persinggahan kapal tersebut ke negara-negara Asean dan Jepun.

- 9.45 ARENA SUKAN
10.45 HANLON Episod I Bgh. II
11.45 SIARAN TAMAT.



DAYANG Hajjah Mahmuda Salim sedang menunjukkan cara-cara memasak Nasi Briyani Cara Bangladesh.

MAJLIS KONVOKESYEN IPSHB KALI




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyampaikan ijazah kepada salah seorang penuntut perempuan yang berjaya memperolehi Sarjana Muda Pendidikan.

KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia di Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah dijunjung dan dialu-alukan oleh pensyarah-pensyarah institut tersebut (atas).

KELIHATAN dalam gambar kanan sekali Duli Yang Teramat Mulia memasuki ruang dewan IPSHB dengan diiringi oleh Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan, Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman dan Timbalannya Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad dan Pemangku Pengarah IPSHB, Dayang Hajjah Jaharah binti Haji Mohammad.

SEMENTARA gambar kanan Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan sijil pendidikan kepada salah seorang penuntut perempuan yang menamatkan kursus pendidikan di IPSHB.



SEBAHAGIAN daripada graduan-graduan yang telah berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed).

IV

kesyen kali ke-XIV bagi kursus
matan dan Latihan Dalam
Ijazah Sarjana Muda Pen-
gansung di Institut Pendidikan
Bolkiah (IPSHB) Gadong pada

Teramat Mulia Paduka Seri
Wazir Sahibul Himmah Wal-
Muda Haji Mohamed Bolkiah,
Luar Negeri, Negara Brunei
berkenan berangkat menyem-
pakan siji-sijil kepada 59 orang
berjaya menamatkan latihan
tiga tahun mulai tahun 1984,
yang berjaya mengikuti Kursus
bermula pada tahun 1985
\$3 orang guru yang berjaya
kursus mereka selama 2½ tahun
Muda Pendidikan bermula tahun

Teramat Mulia Paduka Seri
Wazir Sahibul Himmah Wal-
Muda Haji Mohamed Bolkiah
berkenan menyaksikan pameran
Institut Pendidikan Sultan
dan juga pameran buku-buku.



Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Haji Sharbini Taha
dan Pg. Abu Bakar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Him-
mah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal
Luar Negeri ketika berangkat ke majlis tersebut. Juga hadir termasuklah
Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria serta Yang Berhormat Menteri-
Menteri Kabinet seperti kelihatan dalam gambar atas.

DI SAMPING menyampaikan siji-sijil, Duli Yang Teramat Mulia juga telah
berkenan berangkat melawat pameran-pameran yang telah diadakan
sempena Konvokesyen Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah kali yang
ke-XIV (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Him-
mah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah berkenan menerima
cenderamata yang disebarkan oleh Pemangku Pengarah IPSHB, Dayang
Hajjah Jaharah binti Haji Mohammad (gambar bawah).



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap berbagai kementerian dan ketua-ketua jabatan Kerajaan juga telah menghadiri ma-
jlis konvokesyen pada hari itu (atas).
Sementara gambar kiri kelihatan jemputan-jemputan khas yang telah hadir di majlis tersebut.



PENDEKATAN KE ARAH KEGIATAN ILMIAH PERLU

GADONG. — Profesion guru memerlukan pendekatan ke arah kegiatan-kegiatan ilmiah yang membolehkan guru-guru itu mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menuntut ilmu.

Tidak syak lagi profesion ini sendiri memerlukan guru-guru berbuat demikian kerana tanpa usaha yang berterusan dalam memperbaharui dan memperkaya ilmu, guru-guru akan

mengalami kesulitan-kesulitan di dalam pengajaran mereka kerana tidak mengikuti perkembangan ilmu yang kian pesat.

Menegaskan demikian, Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman berkata bahawa bidang kerja apa jua pun memerlukan kelayakan apatah lagi bidang profesion guru sememangnya

pencapaian kelulusan yang formal yang diperolehi bagi satu-satu peringkat adalah tidak berakhir setakat itu untuk menentukan kaliber dan kualiti kita lebih-lebih lagi sebagai seorang profesional.

"Bagi saya ianya lebih merupakan permulaan dan asas untuk menuju ke arah yang lebih baik dan tinggi. Kementerian Pelajaran adalah menyedari sepenuhnya betapa pentingnya pihak kementerian ini mengambil inisiatif bagi menyediakan kursus-kursus pendek di dalam negeri dan luar negeri bagi mendedahkan guru-guru kepada perkembangan yang ada di bidang-bidang yang relevan," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap kepada guru-guru yang telah lulus di dalam kursus pendidikan pra-perkhidmatan dan kursus meninggi taraf supaya mempunyai tugas yang besar di dalam mendidik kanak-kanak di sekolah serta akan menambahkan ilmu pengetahuan dan meluaskan skop pandangan dan pendekatan terhadap kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam meninggi kanak-kanak tugas guru di sekolah.

Menurut Yang Berhormat, lulusan-lulusan Sarjana Muda Pendidikan ini merupakan kumpulan yang pertama dan terakhir mendapat manfaat dari kursus ijazah yang dikenalal secara "linkage" di antara institut ini dengan Universiti Wales.

Tetapi dengan tertubuhnya Universiti Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat, keperluan meneruskan kursus secara "linkage" ini tidaklah timbul kerana kursus-kursus di bidang pendidikan merupakan sebahagian besar dari kursus yang ada dijalankan oleh universiti berkenaan. Ianya bertepatan dari segi perancangan dan pelaksanaan institut dengan universiti berkenaan membuat penyesuaian-penyesuaian tertentu di bidang pendidikan di kedua-dua pusat pengajian ini.

Gunakan ilmu dengan sebaiknya

GADONG. — Guru-guru yang menamatkan kursus Sarjana Muda Pendidikan, Kursus Sijil Pendidikan Pra-Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan diharapkan agar mereka dapat menggunakan ilmu yang mereka perolehi dengan sebaiknya di sekolah-sekolah di mana mereka ditugaskan.

Pemangku Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Dayang Hajjah Jaharah binti Haji Mohammad percaya kejayaan mereka adalah hasil dari kesungguhan dan sifat tanggungjawab mereka semasa menuntut dan sebagai penuntut.

Pengetahuan akademik serta pengalaman yang ditimba sudah tentu akan dapat meyakinkan diri mereka untuk menjadi guru-guru yang benar-benar dapat mendidik kanak-kanak dan melahirkan generasi Brunei yang beriman, berilmu pengetahuan dan berdisiplin tegas Dayang Hajjah Jaharah.

"Oleh itu dengan pengayuh di tangan dan perahu sama di air, Awang-awang dan Dayang-dayang mempunyai tugas dan tanggungjawab bagi membuktikan kepada masyarakat kemampuan di bidang pendidikan ini dan paling utama ialah bagi mempertahankan kualiti itu sendiri supaya tidak akan lekang dek panas dan lapuk dek hujan," ujar Dayang Hajjah Jaharah.

Apa yang diharapkan ini akan menjadi satu cabaran kepada guru-guru terhadap masyarakat dan negara, katanya.

anak saya akan turut belajar bersama saya, setentunya sikap ini akan memberikan semangat untuk mereka mengulangkaji atau membuat kerja rumah yang disuruh oleh guru mereka," katanya.

Cikgu Hajjah berasa bertuah semasa majlis konvokesyen yang lalu adalah bertepatan hari lahirnya dan suaminya iaitu pada 14 November yang juga merupakan konvokesyen ke-XIV IPSHB.

Pihak PELITA tidak lupa menemubual dengan seorang guru lepasan Sijil Perguruan, salah seorang dari dua orang pelajar terbaik iaitu Dayang Hajjah Rubiah binti Haji Simbran.

Kerana kedua orang adik-beradiknya (abang dan kakaknya) menjadi guru, menimbulkan rasa minat Dayang Hajjah Rubiah untuk menceburi bidang ini lagi pun

rasa minat terhadap mendidik kanak-kanak.

"Semasa di maktab, saya dan rakan yang lain sering membuat perbincangan sebarang topik yang bersangkutan-paut dengan pelajaran sekiranya ada masalah yang tidak dapat diatasi," ujarnya.

Dayang Hajjah Rubiah juga melahirkan rasa gembira kerana terpilih sebagai pelajar terbaik 1987 bersama seorang rakannya Dayang Asmah binti Haji Misir. Beliau berterima kasih kepada guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang telah memberikan dorongan serta pelajaran kepada mereka.

Beliau bercita-cita ingin meneruskan pelajaran di bidang tersebut di peringkat ijazah. "Bagi saya pelajaran sajalah dapat mengubah nasib seseorang itu yang diibaratkan seperti cahaya," jelasnya.



MENTERI Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada Dayang Asmah binti Haji Misir, penuntut terbaik. — Gambar oleh Harun Rashid.

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Pg. Abu Bakar
PHO dan Harun Rashid

Kejayaan dicapai melalui kesungguhan belajar

MENUNTUT ilmu di dunia yang semakin maju dan mencabar ini bukanlah mudah. Kesungguhan dalam diri masing-masing dan keupayaan adalah perlu untuk memperolehi kejayaan.

Walaupun begitu, ia bukanlah merupakan faktor yang boleh dicapai dengan sekelip mata sebaliknya memerlukan jangka masa yang panjang di samping beberapa faktor yang lain lahir dari sikap atau attitude yang sejiwa dengan kita. Menuntut ilmu pula tidaklah memandang usia seseorang itu, selagi mata kita belum tertutup teruskanlah menuntut ilmu sesuai dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China.

Ini telah membangkitkan semangat Pengiran Md. Askandar bin Pengiran Md. Said meneruskan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Apa yang penting kata beliau ialah usaha bersungguh-sungguh dan menghadapi segala cabaran belajar dengan tekun pasti membawa kejayaan.

Kejayaan yang beliau perolehi itu adalah hasil usaha gigihnya yang tidak mengenal jemu dan semangat belajar begitu membara dalam jiwanya di samping menerima dorongan yang menggalakkan dari isterinya.

Bagi Pengiran Md. Askandar, ada beberapa kesedaran yang menyebabkan beliau melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah ini. Antaranya ialah ingin meninggi taraf akademik dalam kursus kurikulum di samping adanya peluang terbuka bagi guru-guru tempatan untuk mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan ini oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam masa dua tahun setengah, beliau dan rakan



PENGIRAN Askandar


seperjuangan yang lain telah mengikuti kursus mata pelajaran kurikulum, kursus pentadbiran sekolah rendah dan kursus asas kurikulum mata pelajaran Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris.

Apa yang menarik perhatian sepanjang kursus ini tegasnya ialah semasa mengikuti mata pelajaran kurikulum (curriculum studies) di mana ia melibatkan corak pendidikan di negara ini yang bersesuaian digunakan di Sekolah Rendah.

Pengiran Md. Askandar berhasrat ingin meneruskan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana di bidang pendidikan ini bergantung kepada keadaan.

Peningkatan akademik sebagai seorang guru, memperluaskan pelajaran dan pembelajaran di sekolah serta rasa tanggungjawab untuk memberi khidmat kepada bangsa dan negara telah memberikan ilham dan semangat berkobar bagi Md. Azani bin Haji Pudin juga salah seorang graduan yang menerima ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

Beliau mula menceburi diri di bidang kerjaya seorang guru ini sejak tahun 1975.



AWANG Md. Azani

Pada tahun 1982 dan 1983 melanjutkan pelajaran di luar negeri iaitu di United Kingdom di bidang pendidikan dan beliau mengekalkan konsep yang tersendiri iaitu kejayaan itu akan dapat dicapai dan dinikmati sekiranya ada usaha yang gigih dan keupayaan yang kuat terutama untuk mencapai sebarang kejayaan di bidang pelajaran.

"Saya sering memperkatakan falsafah ini kepada murid-murid saya untuk ditanamkan di jiwa mereka," katanya.

Beliau rasa ikhlas mencadangkan supaya buku-buku rujukan untuk setiap pelajar yang memerlukan akan dapat ditambah dan dipertingkatkan bagi kemudahan para pelajar di samping jabatan-jabatan kerajaan bersama-sama menyumbangkan majalah atau bahan setiap kegiatan-kegiatan yang berlaku yang bersangkutan-paut dengan hal-ehwal negara ini dan sebagainya dan perlunya orang ramai memberikan kerjasama bagi mendapat maklum balas apabila diminta mengisi borang soal selidik bagi kegunaan para pelajar.

Keinginan untuk meneruskan pelajaran di bidang



DAYANG Hajjah Rafeah

yang sama memang telah lama terpendam di jiwa Dayang Hajjah Rafeah binti Haji Aspar yang lebih senang dipanggil Cikgu Hajjah saja.

Bagi Cikgu Hajjah sendiri melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah ini bukanlah semata-mata untuk mengejar gaji yang tinggi tetapi dengan penuh ikhlas ingin mempertinggikan pengalaman dan pengetahuan di bidang pendidikan dan memberikan khidmat yang cemerlang kepada bangsa dan negara yang disertai dengan rasa tanggungjawab untuk membantu melahirkan kanak-kanak yang berpendidikan dan berdisiplin.

Cikgu Hajjah Rafeah sekali lagi menarik perhatian yang menuntut ilmu itu tidak memandang batas usia seseorang sebaliknya kemampuan dan keupayaan asas kunci menuju kejayaan.

Beliau menerima dorongan yang sepenuhnya dari suami dan anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah ini. Di samping itu beliau tidak lupa rasa tanggungjawab terhadap keluarga iaitu untuk membahagikan masa untuk keluarga dan masa belajar.

"Apa yang menarik perhatian saya di rumah, anak-

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS

(Bilangan Kod: 018 39-140)

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- Lulus TEC/BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang-bidang berikut:
 - Purchasing and Supply
 - Business Studies/Administration
 - Managing Accounting/Accounting
 - Bidang-bidang pengajian lain yang berseesuaian.

ATAU

- Penyelenggara Stor Tingkat I yang mempunyai kelulusan TEC/BEC Diploma yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.

ATAU

- Penyelenggara Stor Tingkat I yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan seperti di (a) dan (b) di atas tetapi telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 7 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.
- Ketutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam pengurusan stor/kakitangan dan pembelian alat-alat.

2. PENJADUAL (Bilangan Kod: 110 08-320)

(Di Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C. 3 EB. 4 — \$1990-\$2620 sebulan.

atau
C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- Higher National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dengannya dalam penjadual (programming) bagi tempoh yang tidak kurang dari dua tahun akademik dan pengalaman bekerja adalah satu kelebihan.

ATAU

- Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadual (programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan berpengalaman dalam penjadual (programming) tidak kurang dari lima tahun di sebuah Syarikat/Perbadanan dan Penggunaan Bahasa Komputer COBOL, IDMS, TME-TP dan RPG II.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III.
- Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
- Berpengalaman menjadual (programming) tidak kurang dari lima tahun dan pandai menggunakan bahasa Komputer COBOL, IDMS, TME-TP dan RPG II.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Untuk membuat penjadualan (programming) dan juga untuk menganalisa sistem dalam beberapa segi perkembangan sistem.

3. PENYUSUN PROJEK-PROJEK

(Bilangan Kod: 095 31-008)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Diploma dalam Business Studies atau Computer Science atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang yang berkenaan.
- Mempunyai minat untuk membuat kerja-kerja luar.
- Boleh menyediakan laporan teknikal dan kedudukan kewangan dan barang-barang untuk satu-satu projek.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Bertanggungjawab kepada Jurutera Telekom Kanan bagi mengumpulkan data-data keterangan mengenai projek-projek dan mengikuti perkembangannya.
- Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja serta mengendalikan semua file dan dokumen mengenai projek-projek.
- Menilai kedudukan sesuatu projek dan membuat laporan serta menyediakan dan mengawas perjanjian-perjanjian mengenai kontrak.
- Mengendalikan quotation-quotation dan stor bagi projek.

4. AKAUNTAN/PEGAUAI PERAKAUNAN

(Bilangan Kod: 084 11-017)

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

atau
B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

Kelayakan:

- i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Akauntan atau Ekonomi atau Perdagangan atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang Perakaunan.

ATAU

- ii) Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya dalam bidang yang berseesuaian serta berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.

- b) Pengetahuan Bahasa Melayu dan Inggeris adalah satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan

mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 127/1987.

(E/2197/87)

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG KEBUN/PEMBERSIH

(Bilangan Kod: 048 62-742)

(Di Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-Undang)

Tanggagaji: F. 2-3 EB. 4 — \$495-\$650 sebulan.

2. PENJAGA MALAM (Bilangan Kod: 048 58-941)

(Di Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-Undang)

Tanggagaji: F. 1-2-3 EB. 4 — \$445-\$650 sebulan.

3. JAGA (Bilangan Kod: 059 58/940)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan bagi Jawatan No. 1, 2 & 3:

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman sebagai Penjaga/Pembersih.
- Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

4. ATENDAN PAMERAN (Bilangan Kod: 041 59-192)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: F. 1-2-3-4-5 EB. 6 — \$445-\$790 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur 18 hingga 30 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Boleh bertutur dalam bahasa Inggeris adalah menjadi kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Melayan dan memberikan panduan kepada pelawat-pelawat pameran serta menjaga dan memelihara harta benda dan kawasan pameran.

5. TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I

(Bilangan Kod: 094 03-961)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan.

Kelayakan:

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Tiga tahun pengalaman sebagai Tukang Kayu dan boleh membaca dan mengerti lukisan-lukisan rajah serta boleh membuat penilaian bahan-bahan dan kayu yang akan digunakan bagi satu-satu kerja yang dirancang.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membuat alat-alat pejabat, memperbaiki perahu-perahu dan membuat tanda-tanda Isyarat Ukur dan kerja-kerja dan berhubung dengan Tukang Kayu.
- Membuat kerja-kerja mencaat pada dan apabila dikehendaki.
- Membantu Forman Woksyp memelihara alat bengkel.

6. PEMANDU TINGKAT III

(Bilangan Kod: 111 98-524)

(Di Jabatan Sekolah-sekolah, Bahagian Pelajaran Teknik dan Latih Kerja, Kementerian Pendidikan)

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- Umur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan kelas 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

7. JURU JENTERA PERCUBAAN

(Bilangan Kod: 004 84-365)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kela-

Kerajaan Negara Brunei Darussalam

yakan yang tersebut di atas tetapi berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan jentera selama tiga tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebersihan jentera-jentera dan alat kelengkapan pertanian dan mestilah sanggup keluar menjalankan tugas dan mengikuti kursus-kursus pengajaran bila-bila masa dikehendaki.

8. PELAYAN MESS TINGKAT III

(Bilangan Kod: 059 53-218)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: F. 1-2-3 EB. 4 — \$445-\$650 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Dua tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 128/1987.

(E/221/81)

JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

WI004/1

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom. 2. Tawaran adalah bagi, Excavate/blackfill trench, lay cable, install 2 way duct route, metal poles and DP's, FJ's and haul cable in conduits.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 9 Disember, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutur dan hanya bertanda "TAWARAN CABLE DISTRIBUTION AT BUKIT BENDERA / SUNGAI BEASAR / SUNGAI BASONG AREAS, TUTONG."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut

mengeniainya bolehlah diperoleh dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam dengan mengemukakan tawaran sebanyak \$100.00 yang mana cagar ini akan dikembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembiayaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi, hari Isnin 30 November, 1987. Ber-tempat: Bangunan Telephone Exchange Tutong.

Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembiayaan yang telah ditetapkan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PEMERIKSA BURUH :

(Bilangan Kod : 050 19-454)

(Di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D. 4 EB. 5-6 — \$1225-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

- i) Ordinary National Diploma (OND)/TEC Diploma dalam bidang yang bersesuaian sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- iii) — Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
— Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari empat tahun.
- b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

2) JURUGAMBAR PEGUN :

(Bilangan Kod : 105 16-311)

(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding.
ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta mempunyai tiga tahun pengalaman dalam bidang penggambaran.
- b) Kebolehan yang luar biasa dalam jurusan penggambaran seperti potret, close-up, micro, copying dan kerja-kerja memproses dan printing serta kebolehan dalam membuat caption adalah menjadi satu kelebihan.
- c) Menyertakan bersama-sama permohonan mereka 4 keping gambar hitam putih atau berwarna berukuran 12" x 15" atau 4 keping slide warna sebagai bukti/contoh hasil kerja sendiri.

3) TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I

(Bilangan Kod : 059 03-593)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- a) Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
ATAU
- b) Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta berkhidmat selama lima tahun dalam jawatan yang berkaitan.

4) TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS :

(Bilangan Kod : 059 58-270)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) OND/BTEC Diploma dalam jurusan yang bersesuaian.
ATAU
- b) Dua mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- c) Lima tahun perkhidmatan dalam jawatan yang berkenaan.

5) CHEF : (Bilangan Kod : 059 53-121)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Lulus dari kursus Penyelenggara Permakanan yang bersesuaian dari Pusat Latihan Teknikal Brunei atau dari maktab yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- ii) Mesti mempunyai lima tahun pengalaman yang berkenaan dari restoran-restoran atau perbadanan makanan.

ATAU

- b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan seperti di (a) (i) dan (ii) di atas, tetapi mempunyai lapan tahun pengalaman sebagai Tukang Masak dan berkebolehan untuk menyediakan masakan-masakan Eropah dan Asia akan juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Menyediakan masakan-masakan Melayu, Cina dan Eropah.
- b) Menyediakan senarai makanan yang lengkap.
- c) Menganggarkan jumlah perbelanjaan untuk sesuatu dan menyediakan anggaran perbelanjaan untuk upacara tertentu serta permakanan harian.
- d) Pengiraan stok, pengawalan dan penyediaan.
- e) Berhubungan dengan Yang Dipertua Jawatankuasa Mes dan Pengurus Mess.
- f) Untuk membantu, mengawal dan memberikan latihan kepada kakitangan dapur.

6) PEMANDU/OPERATOR :

(Bilangan Kod : 059 98-513)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2 — \$530-\$820 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- b) Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III (tiga) dan V (lima) yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- c) Mempunyai lesen memandu Kelas XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
- d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah juga merupakan satu kelebihan.

7) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II :

(Bilangan Kod : 018 39-142)

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D. 2 EB. 3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding.
ATAU
- ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- b) Berpengalaman dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.
- c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

8) TUKANG ELEKTRIK TINGKAT I :

(Bilangan Kod : 059 85-512)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur antara 25 hingga 45 tahun.
- b) i) Sijil Kejuruteraan Elektrik dari Maktab Teknikal yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja menyelenggara dan membaiki alat-alat elektrik dan alat-alat yang berkaitan tidak kurang dari tujuh tahun.
- c) Boleh membaiki perkakas elektrik yang digunakan dalam rumah, seperti dapur karan, kipas angin dan lain-lain lagi.
- d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai sesuatu Sijil Sekolah Pertukangan, dan mempunyai pengalaman mengawas pekerja-pekerja lain.

9) PENGURUS MESS TINGKAT III :

(Bilangan Kod : 059 52-063)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 2 EB. 3 — \$650-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkenaan.
- c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan dalam kira-kira (accounting) atau pengalaman dalam urusan-urusan mes.

10) PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 106 19-120)

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau sebanding serta tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan.
- b) Pernah mengikuti kursus dalam atau luar negeri dalam bidang perpustakaan.
- c) Berkebolehan dalam menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- d) Berumur di antara 18 tahun hingga 35 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

1. Mengendalikan Perpustakaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan bagi pegawai dan kakitangan kementerian.
2. Menguruskan pembelian majalah/bahan cetak yang diperlukan oleh kementerian.
3. Membuat index dan katalog buku/majalah dan sebagainya.
4. Mengumpul laporan-laporan tahunan Jabatan/Perwakilan/Seminar dan kursus pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

11) PENGAWAS MEKANIK (KENDERAAN) :

(Bilangan Kod : 059 70-092)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) ONC/TEC Certificate dalam bidang yang bersesuaian.
ATAU
- ii) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- iii) Lulus satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan

dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkenaan.

ATAU

- iv) Telah tamat sesuatu kursus atau latihan dalam bidang kenderaan bermotor daripada sesebuah Sekolah Pertukangan dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja sebagai mekanik kenderaan bermotor.
- b) Mestilah mempunyai lesen memandu yang sah.
- c) Mempunyai kebolehan untuk mengawasi kakitangan rendah.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 126/1987 (E/916/72)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1.0 Nama projek :

Bilangan tawaran : JKP/21/1987

TAWARAN SEMULA CADANGAN SADAIAH PERAHU UNTUK NELAYAN DI KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Khamis 5 hingga hari Khamis 26 November, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong : Kelas "B" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup : Hari Isnin 30 November, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAH WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 15/1982

No. 153/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Metussin bin Matarsat, No. 51, Kampung Birau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Hajjah Shaidan bte Haji Ratu @ Hajjah Adi bte Haji Rato yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 24 November, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 27 Oktober, 1987

Bertarikh 28 Oktober, 1987.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU BENGKEL-BENGKEL

(Bilangan Kod : 059 84-379)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.
- Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
- Berpengalaman dalam Metalwork atau Woodwork sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

Am :

Calon yang berjaya akan ditempatkan di Bengkel Pusat Pengajian, Bolkliah Kem.

2. PENGENDALI MESIN CETAK OFFSET

TINGKAT III : (Bilangan Kod : 078 92-243)

(Di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang)

Tanggagaji : D. 2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan lulus mata pelajaran Matematik dan Sains merupakan keutamaan.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta 2 tahun pengalaman dalam mengendalikan mesin-mesin percetakan.
- Mempunyai kebolehan mengendalikan mesin-mesin cetak "Off-Set" yang sederhana besarnya.

3. TUKANG PELAN : (Bilangan Kod : 084 03-293)

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4 — \$530-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma (OND) in Draughtsmanship atau kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya yang diiktiraf.
- Berpengalaman dalam membuat pelan Pejabat Chartered Arkitek atau Jurutera tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- Tiga mata pelajaran (Bahasa Melayu, Matematik dan Sains) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman bekerja yang memuaskan di dalam bidang yang berkaitan tidak kurang dari satu (1) tahun.
- Telah mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan memuatkan yang diadakan sama ada di luar mahupun di dalam negeri merupakan satu kelebihan.

4. PEMBERI ISYARAT TINGKAT KHAS :

(Bilangan Kod : 060 98-945)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- Mempunyai Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pemberi Isyarat Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.
- Berpengalaman dan pengalaman dalam hal membaiki/merawat alat-alat radio/perhubungan dan mempunyai pengetahuan terhadap tanda-tanda Isyarat Bendera Antarabangsa dan Morse Code adalah menjadi satu kelebihan.

Tugas-tugas :

- Sebagai Ketua bagi satu kumpulan pemberi Isyarat Tingkat I dan Tingkat II.
- Menjaga buku-buku harian bekerja dan membuat laporan-laporan serta daftar-daftar bekerja.
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pegawai Radio Laut.

5. PENJALAN JENTERA :

(Bilangan Kod : 004 62-890)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.
- Mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta mempunyai rekod memandu yang selamat. Mereka yang mempunyai lesen memandu kelas 11 (sebelas) yang sah adalah satu kelebihan.
- Berpengalaman dan pengetahuan dalam kerja-kerja yang menggunakan jentera kelengkapan ladang adalah juga merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab dalam menjalankan jentera-jentera yang terdapat di Rumah Sembelih.

- Menjaga keselamatan jentera-jentera dan memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

6. PELATIH PENJADUAL :

(Bilangan Kod : 013 98-144)

(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- OND/TEC Certificate atau satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk Sains atau Matematik) Sijil Am Peringkat Biasa.

ATAU

- Tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan sedang telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Kerani Koding, Penjaln Operator DDE tidak kurang dari 5 tahun.

- Pengalaman dan pengalaman dalam "ICL Computer and Its Operating System", dan menggunakan bahasa komputer adalah diutamakan.

- Ujian "Aptitude Test" untuk calon-calon akan diberikan.

- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu Penjadual dan Penganalisa Sistem dalam membuat programming.

Am :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 8 Disember, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, 2049. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagar tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak \$100.00 dan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/164/1987

MEMBEKAL : 65251 DC E.H.T. UNIT ASSY

BIL : MINDEF/DFP/MTB/165/1987

MEMBEKAL : CURTAIN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/166/1987

MEMBEKAL : STATE FLAG

BIL : MINDEF/DFP/MTB/167/1987

MEMBEKAL : PAINT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/168/1987

MEMBEKAL : CHAIR STUDENT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/169/1987

MEMBEKAL : TOWEL GREEN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/170/1987

MEMBEKAL : BED SPREAD

BIL : MINDEF/DFP/MTB/171/1987

MEMBEKAL : MILITARY CLOTHING

BIL : MINDEF/DFP/MTB/172/1987

MEMBEKAL : CHO-GU-KU PAINT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/173/1987

MEMBEKAL : CANOEING EQUIPMENT

BIL : MINDEF/GRU/LOG/118/MTB/17/1987

MEMBEKAL : SUPPLY OF DOG FOOD

bat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 7 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 119/87

(E/942/83)

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL : DDWS/MWSS/12/87

MEMBEKAL : REPLACE-
MENT OF 2 NOS
CHILLER UNITS
FLOTILLA BASE
MUARA.

Cagar : \$200.00.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem-
borong-pemborong Kelas
'B' (Registered with
Electrical Services Dept.)

TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 1 Disember, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Kewangan dan Perbekal-

Syarat-syarat Tawaran

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 1 Disember, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Kewangan dan Perbekal-

an, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 1 Disember, 1987.

d. Cagar tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Disember, 1987 bagi membekalkan perkara berikut :

TAWARAN BIL : 83/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREW-ED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT 10, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.
Size : 2" diameter — 7,200 Lens.

TAWARAN BIL : 84/1987

Tyre 6.00 x 14 — 8 Ply 'Y45' or Equivalent — 300 Nos.
Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAH WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 232/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Hj. Mohiddin bin Dulamit @ Hj. Maidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Dayang Hajjah Banon binti Awang Hj. Karim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 1 Disember, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 2 November, 1987.

No. 231/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah dibuat oleh Dk. Masnah binti Pg. Damit @ Dy. Masnah binti Abdullah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pg. Sulaiman bin Pg. Yusof yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 1 Disember, 1987, jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 2 November, 1987.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PENGKAJIAN DAN PERKEMBANGAN :

(Bilangan Kod : 109 20 — 293).

(Di Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran).

Tanggagaji : B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

- Ijazah Kepujian yang bersesuaian dari Universiti atau Institusi yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dengan kerajaan.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Mempunyai analytical mind.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab :

- Membuat pengajian ke

atas pengajian-pengajian tinggi di luar negeri.

- Perhubungan antarabangsa (seperti Southeast Asian Ministers of Educational Organisation (SEAMEO), Islamic Educational and Cultural Organisation (ISESCO), Association of South East Asia Nation (ASEAN)) dan sebagainya.
- Tawaran-tawaran kursus dan bantuan.
- Perjanjian-perjanjian.

2. PEGAWAI PENYELIDIK DAN PERKEMBANGAN :

(Bilangan Kod : 106 19 — 516).

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji : B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

- Ijazah dalam jurusan yang bersesuaian atau kelayakan yang sebanding dengannya dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh kerajaan.
- HND dalam jurusan yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang penyelidikan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian III dalam tanggagaji C. 3 tidak kurang dari 5 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab :

- Membantu Ketua Penyelidik, Perkembangan dan Perhubungan Awam dalam penyediaan maklumat dan pengumpulan data kegiatan-kegiatan kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian.
- Membuat dokumentasi rujukan bagi di (1).
- Membuat kajian penyelidikan mengenai projek-projek kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian.

3. PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN :

(Bilangan Kod : 040 31 — 078).

(Di Jabatan Keselamatan Kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri).

Tanggagaji : B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

atau B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

- Ijazah BA atau B. Sc. dalam jurusan yang bersesuaian dari sebarang institut, kolej atau universiti yang diiktiraf.
- HND dalam jurusan yang bersesuaian serta berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
- Bagi mereka yang sudah bersara dan berpengalaman serta mahir bagi mengendalikan keselamatan peribadi dokumen dan pejabat, mengadakan perkataan kod, mengeluarkan pas keselamatan dan perkara-perkara yang bersangkutan kerajaan juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab :

- Membantu kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugas yang bersangkutan dengan keselamatan peribadi dokumen dan pejabat di tempat masing-masing.
- Berkerjasama terhadap kawalan keselamatan dengan pejabat-pejabat kerajaan.
- Melawat dan memeriksa pejabat-pejabat serta menyusun langkah-langkah keselamatan yang diperlukan.
- Memberi ceramah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari masa ke semasa yang diperlukan.
- Menjalankan apa jua tugas lain yang ada kaitannya dengan keselamatan atas arahan dari pihak yang berkenaan.

jaan dalam melaksanakan tugas-tugas yang bersangkutan dengan keselamatan peribadi dokumen dan pejabat di tempat masing-masing.

- Berkerjasama terhadap kawalan keselamatan dengan pejabat-pejabat kerajaan.
- Melawat dan memeriksa pejabat-pejabat serta menyusun langkah-langkah keselamatan yang diperlukan.
- Memberi ceramah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari masa ke semasa yang diperlukan.
- Menjalankan apa jua tugas lain yang ada kaitannya dengan keselamatan atas arahan dari pihak yang berkenaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana

sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalu Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan

dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 124/1987).

(E/2007/87).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/TB/39/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : PEMELIHARAAN KE ATAS BANGUNAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup : 14 Disember, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/414/1987

Tajuk : PEMELIHARAAN ELEKTRIK DI SEKOLAH KERAJAAN AWANG SEMAUN UNTUK 1988 (JANUARI-DISEMBER).

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cengkeram : \$100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/415/1987

Tajuk : PEMELIHARAAN ELEKTRIK DI SEKOLAH KERAJAAN MAK TAB DULI PG MUDA AL-MUHTADEE BILAH, UNTUK 1988 (JANUARI-DISEMBER).

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cengkeram : \$100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/416/1987

Tajuk : PEMELIHARAAN ELEKTRIK DI SEKOLAH KERAJAAN MAK TAB S.O.A.S. UNTUK 1988 (JANUARI-DISEMBER).

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cengkeram : \$100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi supply and delivery of Wooden Poles.

(PEMBEKALAN UNTUK TAWARAN INI ADALAH BAGI TEMPOH DUA TAHUN)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Perhubungan Tingkat 1, Bangunan Sekretariat Bandar Seri Begawan 1150 Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat dari jam 3.00 petang 2 Disember, 1987.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :

SUPPLY AND DELIVERY OF WOODEN POLES.

Tender Ref. No. : ST/2/87

4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi supply and delivery of Aerial Cable Fittings

(PEMBEKALAN UNTUK TAWARAN INI ADALAH BAGI TEMPOH DUA TAHUN)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Perhubungan Tingkat 1, Bangunan Sekretariat Bandar Seri Begawan 1150 Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat dari jam 3.00 petang 9 Disember, 1987.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :

SUPPLY AND DELIVERY OF AERIAL CABLE FITTINGS.

Tender Ref. No. : ST/3/87

4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi supply and delivery of Frame and Cover for Cable Jointing Boxes

(PEMBEKALAN UNTUK TAWARAN INI ADALAH BAGI TEMPOH DUA TAHUN)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Perhubungan Tingkat 1, Bangunan Sekretariat Bandar Seri Begawan 1150 Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat dari jam 3.00 petang 9 Disember, 1987.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :

SUPPLY AND DELIVERY OF FRAME AND COVER FOR CABLE JOINTING BOXES

Tender Ref. No. : ST/4/87

4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS LAMPIRAN GAJI (PAYSLIP) DAN KERTAS KOMPUTER KE JABATAN PERBENDAHARAAN, BAHAGIAN KOMPUTER KEMENTERIAN KEWANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TAHUN 1988/1989

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Disember, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara seperti yang disenaraikan di bawah untuk Bahagian Komputer, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988/1989.

Keterangan-keterangan	Ukuran	Banyak
i) 1 Ply Kertas Komputer	15" x 11"	600 kotak @ 1000 keping satu kotak
ii) 2 Ply Kertas Komputer	15" x 11"	650 kotak @ 1000 keping satu kotak
iii) 3 Ply Kertas Komputer	15" x 11"	270 kotak @ 500 keping satu kotak
iv) 3 Ply Lampiran Gaji	6" x 9"	730 kotak @ 1000 keping satu kotak

2. Keterangan-keterangan lanjut dan butir-butir tawaran mengenai perkara di atas boleh diperolehi dari Jabatan Perbendaharaan, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.

3. Harga tawaran adalah termasuk cukai dan penghantaran ke Bahagian Komputer, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.

4. Pembekal yang berjaya hendaklah bersedia untuk menyediakan simpanan bekalan yang mencukupi dalam Negara Brunei Darussalam dan tempat simpanan sementara bagi penghantaran yang berperingkat-peringkat ke Bahagian Komputer, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran hendaklah dihadapkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan 1130 Negara Brunei Darussalam.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam

1. AHLI PEMBIAKAN TUMBUHAN :

(Bilangan Kod : 004 05 — 391).
Tanggagaji : B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- i) Sarjana Muda Sains (B. Sc.) dalam Biologi/Biokimia Tumbuhan/Genetics dari Universiti-universiti atau Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf serta sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang pengendalian kerja-kerja Biokimia/Agronomi.
- ii) Ijazah Sarjana Sains (M. Sc.) dalam Biokimia Tumbuhan/Genetics dari Universiti-universiti atau Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf serta sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan/kerja-kerja biokimia/Agronomi.
- b) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam biokimia Tumbuhan/Genetics dari Universiti-universiti atau Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf serta sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang Penyelidikan/Kerja Biokimia/Agronomi adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Mengendalikan kerja-kerja biokimia tanaman ladang dan seterusnya menyediakan benih-benih atau bahan pembiakan.
- b) Mengendalikan kerja-kerja penyelidikan tanaman ladang dari aspek Agronomi.
- c) Membuat laporan tahunan kemajuan penyelidikan-penyelidikan.
- d) Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Agronomi.
- e) Menjalankan tugas-tugas lain yang ditugaskan daripada Ketua Bahagian/Unit dari masa ke semasa.
- f) Bertanggungjawab untuk memberi bimbingan atau kursus-kursus kepada pegawai-pegawai rendah jika diarahkan.

2. PENGURUS RUMAH SEMBELIHAN :

(Bilangan Kod : 004 60 — 031).
Tanggagaji : B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

- a) Pemohon-pemohon mestilah beragama Islam.
- b) Ijazah B. Sc. dalam jurusan Pengurusan dan Pentadbiran, Marketing atau yang berkaitan.
- c) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pengurusan rumah sembelihan.
- d) Keutamaan akan diberi kepada kelulusan yang lebih tinggi, M. Sc., Ph.D., dan lain-lain.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Pengurusan dan pengawasan harian bagi semua aspek teknikal rumah penyembelihan.
- b) Pemeliharaan kebersihan dan taraf profesional bagi keseluruhan pengendalian loji tersebut.
- c) Pentadbiran kakitangan, stor dan rekod, pembelian binatang ternakan dan pemborongan daging bersih dan organ-organ yang diproses.
- d) Bertanggungjawab membina bimbingan dan tunjuk ajar kepada pegawai-pegawai rendah jika diperlukan.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam. Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 125/1987).

(E/1707/87).



Di Pasukan Polis Diraja Brunei

PERMOHONAN-pemohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai Kadet Penolong Penguasa Polis dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dan mempunyai ijazah dari universiti yang diiktiraf. Pegawai-peagawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang ingin memohon mestilah juga berkelulusan ijazah dari universiti-universiti yang diiktiraf dan mereka hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing.

Gaji :

PD 13 : \$2570, \$2630, \$2690, \$2760, \$2855.
Elaun : Ijazah lulus \$300 sebulan
Ijazah kepujian \$500 sebulan
Ijazah sarjana \$700 sebulan

Borang-borang permohonan dan keterangan-keterangan lanjut mengenai tempoh dan syarat-syarat perkhidmatan boleh diperolehi daripada :

Pegawai Turus Latihan
Pasukan Polis Diraja Brunei
Gadong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup : 7 Januari, 1988.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

Syarat-syarat tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 59 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No. : 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT KE SEMUA BARIK RENDAH DAN BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT V)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 November, 1987.

Tarikh tutup : 2 Disember, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00.

BIL: JKR KB 60 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No. : 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT KE SEMUA BARIK RENDAH DAN BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT VI)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 November, 1987.

Tarikh tutup : 2 Disember, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00.

BIL: JKR KB 61 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas A, AX untuk :

PROJEK No. : 78087AW/21900

PENYAMBUNGAN PEMBAHAGIAN SISTEM AIR KE KUALA BELAIT PERINGKAT I

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 November, 1987.

Tarikh tutup : 2 Disember, 1987.

Cagaran tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 393 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD406/1701

PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA DI KAMPONG BOKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 19 November, 1987.

Tarikh tutup : 23 November, 1987.

Cagaran tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 394 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AR/000500

PEMBINAAN PEMBENTUNG JENIS "PRECAST" DI JALAN SUBOK, BERDEKATAN SIMPANG 206, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 395 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AW/000700

LOJI PENGEMAM, RUMAH PAM, SUMP DAN TANGKI SIMPANAN BAGI BANGUNAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 November, 1987.

Tarikh tutup : 2 Disember, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 396 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD526/2501

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN KOMPLEKS QUATERMAS-TER DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 397 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD526/2501

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN KOMPLEKS QUATERMAS-TER DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup : 25 November, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYUNTING KANAN :

(Bilangan Kod : 009 15 — 922).

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri).

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

a) Higher National Diploma (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan atau sesebuah akhbar berbahasa Inggeris atau Melayu ataupun dengan perkhidmatan radio tidak kurang dari 3 tahun.

ii) Pengalaman bekerja dengan perkhidmatan Penerangan atau dengan perkhidmatan penerbitan majalah adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menyediakan dan menyunting bahan-bahan untuk siaran akhbar dan penerbitan majalah, khususnya penerbitan akhbar Pelita Brunei. Tugasnya dia hendaklah mempunyai inisiatif di samping usahanya dan bekerja secara berpasukan.

2. PENYUNTING :

(Bilangan Kod : 009 15 — 923).

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri).

Tanggagaji : C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

a) Higher National Certificate (HNC) dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Penolong Penyunting tidak kurang dari 5 tahun.

ii) 4 mata pelajaran di (termasuk Bahasa Melayu) di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menyunting, menulis bahan untuk akhbar dan penerbitan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

3. PEGAWAI

MAKMAL KANAN :

(Bilangan Kod : 109 5 — 457).

(Di Jabatan Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran).

Tanggagaji : M. 8 EB. 9 — \$1485-2315 sebulan.

Kelayakan :

a) i) BTEC Higher Certificate atau Higher National Certificate dalam Sains/Teknologi Makmal Perubatan atau kelulusan dan bidang bersesuaian yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) BTEC atau OND dalam bidang Makmal Perubatan atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun sesudah mendapat Diploma di klinik makmal yang diiktiraf.

b) Mempunyai pengalaman bekerja di Klinik-klinik yang diiktiraf.

c) Pengalaman dalam kerja-kerja di bidang kaji-racun (Toxicology)/ Dadah adalah penting.

Tugas-tugas :

a. Juruteknik Makmal Kanan adalah dikehendaki bekerja di Makmal Narkotik, Unit Anti-Dadah. Dia dikehendaki menjalankan semua ujian makmal yang berkaitan sebagaimana diarahkan kepada

danya oleh Ketua Makmal Narkotik dan Ketua Penyelidikan Ketagihan (Addiction Survey). Menjalankan tugas-tugas secara bersendirian dan cekap sebagaimana yang dihasratkan dari seorang pegawai yang berpengalaman dan terlatih.

b. Tugas-tugas dalam Makmal Narkotik termasuklah mengesan, mensahkan dan menentukan jumlah dadah yang terdapat dalam contoh-contoh dari penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai. Dia juga dikehendaki (jika diarahkan) mengawasi kerja-kerja pembantu-pembantu makmal dan juru-juruteknik makmal. Penyelenggaraan alat-alat mesin adalah juga merupakan satu tanggungjawab tambahan. Pekerja-pekerja makmal Unit Anti-Dadah biasanya tidak dikehendaki bekerja di luar waktu-waktu bekerja. Namun demikian, kerja-kerja ujian yang mustahak akan diarahkan oleh Ketua Unit/Makmal pada bila-bila masa saja.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk mem-

beli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam. Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan

sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 Disember 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 120/1987).

(E/73/80).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/444/1987

Tajuk kerja : STANDARD FIRE STATION AT SUNGAI LIANG, BELAIT DISTRICT — ELECTRICAL, P. A. SYSTEM, TELEPHONE AND EMERGENCY CALL SYSTEM.

Cengkeram : \$300.00.

Tarikh tutup : 16 Disember, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemohon : Kelas 'A' atau 'B' sahaja (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS PELITA BRUNEI KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988 01/GP/19/1987

1. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 7 Disember, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

1. NEWSPRINT

Origin : FINLAND
Berat : 56 gsm
Grade : Tamblue H-Offset
Shade : 80% Whiteness Rating
Kekuatan (Strength) : bersesuaian dengan Automatic Tension Controller
Banyak dan Ukuran : Dikehendaki sebanyak lebih kurang 350 metrik ton. Lebar (width) 32 ins. (Full Reel) dengan lubang (core) 3 ins. di tengah-tengah. Berat satu golong ialah lebih kurang 450 kilogram.

2. WOODFREE

Origin : EUROPEAN/TAIWAN/KOREAN/MALAYSIA
Berat : 80 gsm
Grade : Woodfree Printing Paper
Banyak dan Ukuran : Dikehendaki sebanyak lebih kurang 50 metrik ton. Lebar (width) 32 ins. (Full Reel) dengan lubang (core) 3 ins. di tengah-tengah. Berat satu golong ialah lebih kurang 500 kilogram.

2. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

3. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh kertas, Cap atau Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam borang tawaran yang disediakan. Semua tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

4. Jika ada tawaran yang dibuat selain daripada seperti yang ditetapkan, segala penentuan (specifications) mengenai kertas-kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang beserta contoh-contoh sekali seperti yang dikehendaki.

5. Harga-harga Tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat jam 4.30 petang, hari Isnin 7 Disember, 1987.

6. Semua harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan Pembekal sendiri sepertimana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbelanjaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan Tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas pemberitahuan tidak akan dilayan.

7. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan menanda di sampul itu :-

PEMBEKALAN KERTAS PELITA BRUNEI 1988 KE JABATAN PERCETAKAN-KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 01/GP/19/1987

8. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Cagaran Tawaran sebanyak \$3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit HENDAKLAH disertakan bersama di dalam tawaran yang diadapakan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada Penawar-penawar yang tidak berjaya sebaik saja keputusan diterima. Kepada pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

10. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikat Perjanjian (Kontrak) dan bersetuju membekalkan dengan harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :-

- a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga, Syarikat yang berjaya akan bersetuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan Perjanjian (Kontrak) dengan Pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana Pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

12. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (Kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta bersetuju mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA
TERLETAK DI TANGAN AWDA**



Sebagai Pegawai Bertauliah jangka tetap dan pendek di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam jurusan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bagi Lelaki dan Wanita.

Syarat-syaratnya :

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-awang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 7 Januari, 1988 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 47.6 kg atau 105 lb tinggi tidak kurang dari 1.55 m atau 5 kaki 1 inci dan berbadan sihat.

Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

- | | |
|------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
| b. Belait | f. Murut |
| c. Tutong | g. Bisaya |
| d. Kedayan | |

Tarikh tutup permohonan pada 7 Januari, 1988.

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI WANITA

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Dayang-dayang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
 - Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 7 Januari, 1988 dan mestilah masih bujang.
 - Berat badan tidak kurang 44.14 kg atau 98 lb tinggi tidak kurang dari 1.47 m dan berbadan sihat.
- Borang-borang permohonan dan penerangan lanjut boleh didapati daripada :

Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison 3782
Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah dihantar tidak lewat pada hari Khamis 7 Januari, 1988.

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PIALA BORNEO 'BERMASTAUTIN' DI NEGARA KITA

SEPERTI sirih mulih ke gagang, pinang mulih ke tampuk begitulah, halnya dengan 'Piala Borneo' yang kini kembali menjadi milik Brunei Darussalam setelah keluar sebagai 'juara' menundukkan Sarawak 3-2 dalam perlawanan akhir merebut piala tersebut di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Ahad lepas.

Dengan kemenangan itu, 'Piala Borneo' yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buat selamalamanya 'bermastautin' di negara asal setelah lama 'merantau' keluar negeri.

Begitupun, pada tahun akan datang kejohanan ini akan 'bertukar format' yang dikenali dengan kejohanan antara kelab-kelab Borneo termasuk sebuah kelab jemputan dari Kalimantan, Indonesia dan satu piala baru akan jadi 'buruan' kelab-kelab itu.

Dalam perlawanan akhir itu, pasukan tuan rumah mempamerkan permainan yang kemas dan mendahului dengan mudah 3-0 dalam separuh masa pertama.

Pengiran Rosli membuka tirai jaringan pertama di minit ketiga akibat kecuaiannya pertahanan Sarawak Abdullah Salim yang menghantar bola ke pintu gol tetapi dengan cepat 'dipintas' oleh Pg. Rosli dan terus merembat perlahan ke pintu gol.

Gegaran pertama itu meyakinkan barisan penyerang Brunei Darussalam untuk terus melancarkan serangan-serangan sehingga barisan penyerang Sarawak yang terdiri daripada Aedi Julaihi, Jamal Haji Wasli dan Mohd. Ali Shafie berhempas-pulas membantu pertahanan mereka yang sering menghadapi tekanan.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Akibat tekanan yang bertalu-talu itu, Brunei Darussalam akhirnya berjaya menambahkan lagi jumlah jaringan kedua oleh Pengiran Tajuddin Pg. Osman melalui sepakan penalti yang diberikan oleh pengadil perlawanan dari Sabah, Mustapha Tuah apabila mendapati pertahanan Sarawak Hassan Jahid melakukan kesalahan dekat pintu gol.

Lihat muka 23



SELAMAT.... Penjaga gol Yunus Yusof menyelamatkan bola daripada memasuki pintu golnya. — Gambar oleh Harun Rashid.

Kejohanan Bolasepak Kelab-Kelab Borneo gantikan Piala Borneo



GOL.... Zamhari Lani terduduk hanya memerhatikan saja bola rembatannya yang menerjah masuk ke dalam pintu gol Sabah.

MULAI tahun depan, kejohanan bolasepak Piala Borneo akan dipertandingkan di peringkat kelab-kelab dalam Borneo dan tidak lagi ditandingi dalam format negara/negeri.

Jurucakap BAFA berkata, selain dari kelab-kelab dalam Borneo, di kejohanan akan datang nanti juga akan disertai oleh sebuah kelab jemputan dari Kalimantan Indonesia.

"Di tahun yang akan datang, Piala Borneo akan bercorak pertandingan di peringkat kelab-kelab dalam Borneo, termasuk sebuah kelab jemputan daripada Kalimantan Indonesia dan satu piala yang baru akan menjadi sasaran pihak-pihak



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah mengurniakan Piala Borneo kepada Ketua Pasukan Brunei Darussalam, Pengiran Tajuddin. — Gambar oleh Harun Rashid.

Dua jaringan Zamhari separuh masa kedua : Benamkan hasrat Sabah pertahankan kejuaraan

SABAH penyandang juara bolasepak Piala Borneo, 'tumpas' 3-2 di tangan pasukan tuan rumah di hari pembukaan kejohanan itu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas malam Jumaat lepas.

Juara bertahan itu hanya 'bermaya' di minit-minit awal dan akhir perlawanan saja, sekalipun berjaya mendahului pasukan tuan rumah 1-0 di minit keenam separuh masa pertama melalui Henry Anjun yang melakukan gerakan bahaya di depan pintu gol dan gagal diselamatkan oleh Yunus Mohd. Yusof.

Kecemerlangan Sabah di minit awal itu 'tenggelam' begitu saja akibat asakan yang tak henti-henti oleh penyerang-penyerang Brunei yang dahagakan jaringan penyamaan.

Brunei yang diwakili oleh Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi kejohanan ini dan dibantu oleh tiga pemain kebangsaan, Yunus Yusof penjaga gol, Ishak Haji Yusof dan Zamhari Lani penyerang, akhirnya berjaya menyamakan kedudukan 1-1 setelah menunggu masa selama 31 minit perlawanan yang dijaringkan oleh Nordin Tujoh.

Jaringan itu berpunca dari gerakan tengah Ishak Haji Yusof yang meluru ke pintu gol tetapi melantun ke arah Nordin Tujoh yang sudah bersedia melakukan sesuatu.

Terdahulu sebelum itu, pasukan tuan rumah banyak mendapat peluang untuk 'mencetak gol' terutama di minit-minit ke-10, 12, 15, 18 dan 27 tetapi gagal dilaksanakan oleh penyerang-penyerang sehingga keadaan di separuh masa pertama kekal 1-1.

Keadaan dalam separuh masa kedua, pasukan tuan rumah terus bertindak cemerlang dan berjaya menambah dua jaringan lagi dalam masa 30 minit permainan melalui penjaring terbanyak negara dalam Piala Malaysia, Zamhari Lani.

Zamhari Lani menjaringkan gol kedua negara di minit ke-50 apabila dia dengan mudah menanduk dengan mudah di depan pintu gol di mana sebelum itu Aziz Abdullah berada di dalam kedudukan yang baik untuk menyudahkan.

Pemain-pemain Brunei terus 'mengganas' dengan melancarkan serangan nekad ke kubu Sabah sehinggalah barisan penyerang Sabah yang dikepalai oleh Henry Anjun, Paulus Jimit dan Razali Zinin terpaksa turun ke bawah membantu barisan pertahanan.

Lihat muka 23



TERLAMBAT.... pemain pertahanan Sabah Junaidy Tuah (jersey gelap) gagal menghalang sepakan pemain Brunei ketika bertemu dalam perlawanan pembukaan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan yang juga selaku Pengerusi RBA mengurniakan Piala Sukan Muhibah kepada Ketua Pasukan Rumah Bangau, Awang Yahya Cheman.

Kejohanan

Piala Borneo

Dari muka 22

Seterusnya di minit ke-22 Brunei Darussalam mengukuhkan kedudukan dengan memperolehi jaringan ketiga hasil percubaan jarak jauh yang dilakukan oleh Nordin Tujoh ketika bergerak sebagai 'over looping back' dan gagal diselamatkan oleh penjaga gol Sarawak, Jaafar Razmi.

Sarawak, sekalipun terkejut disebabkan serangan bertubi-tubi Brunei Darussalam, masih lagi mampu mengatur serangan balas dan hampir memperolehi gol sulung di minit ke-25 apabila percubaan yang dilakukan oleh Mohd. Ali Shafie melentur terkena palang gol.

Bagaimanapun, dalam separuh masa kedua menjadi berubah apabila Sarawak 'bangkit' dari lamunan dan seterusnya menguasai permainan melalui gerakan-gerakan cantik dari pemain midfield Daud Hassan yang bekerja keras menyusun serangan di setiap penjuru gol.

Daud Hassan yang sentiasa bertigat bebas berkesempatan mengumpul bola tinggi kepada Razak Ismail yang sudah sedia di pintu gol untuk bertindak selepas menumpukan Yunus Yusof, penjaga gol Brunei Darussalam.

Jaringan pertama itu meniupkan 'semangat' Sarawak untuk terus melakukan serangan ke kubu pertahanan Brunei Darussalam yang sudah mulai 'goyang'.

Gempuran Sarawak yang berterusan itu menjadikan barisan pertahanan Brunei Darussalam terus kucar-kacir dan dalam keadaan itu mereka memperolehi gol kedua di minit ke-23 melalui Burhaniza Abu Bakar akibat salah faham antara Aji Husain dan Aziz Abdullah yang menjadikan kedudukan berakhir 3-2.

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub

LEBIH 600 SERTAI TEMASYA SUKAN MUHIBAH RBA


DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan selaku Pengerusi RBA berkenan berangkat ke Temasya Sukan Muhibah Pertama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei pada petang Ahad lepas, di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan di sini.

Temasya penuh warna-warni yang disertai oleh kira-kira 600 orang pegawai dan kakitangan serta ahli-ahli keluarga mereka telah dibuka rasmi oleh Menteri Undang-undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

Aturcara temasya pada petang tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan RBA, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.

Pengarah Urusan RBA berkata, di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mulai 15 November 1987 Penerbangan Diraja Brunei akan mengibarkan bendera rasmi syarikat tersebut.

Lapan acara lorong dan enam acara padang dipertandingkan di temasya yang berlangsung dalam keadaan cuaca redup petang itu.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Sambungan dari muka 22

Keadaan itu memberikan kebebasan pemain-pemain Brunei untuk menguasai semua sudut dan seterusnya mengasak ke kubu Sabah yang dikawal oleh Putih Itin Sihop.

Operasi yang dilancarkan bertalu-talu itu akhirnya membuahkan hasil 'lumayan' setelah Zamhari Lani mencetak gol kedua bagi dirinya dan gol ketiga bagi

negara.

Setelah ketinggalan 3-1, Sabah membuat perjudian terakhir memasuki jurulatihnya K.H Tan menggantikan Razali Zinin. Ternyata dengan kemasukannya itu Sabah 'bernafas' kembali; dan berjaya merapatkan kedudukan 3-2 hasil jaringan Awang Palat tiga minit sebelum permainan di-tamatkan.

RUMAH BANGAU JUARA PERTAMA SUKAN RBA

RUMAH Bangau muncul sebagai juara keseluruhan antara rumah-rumah Sukan Muhibah bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang berlangsung di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan Ahad lepas.

Dengan kemenangan itu, Rumah Bangau berjaya menggondol piala yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan yang juga selaku Pengerusi RBA.

Rumah Bangau memperolehi sejumlah 767 mata keseluruhan semua acara yang dipertandingkan termasuk acara-acara lorong dan padang, dan hanya tewas dalam tiga perlawanan iaitu bola tampar lelaki, bola keranjang lelaki dan darts.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berangkat menyaksikan temasya sukan itu dan seterusnya berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Naib juara disandang oleh Rumah Merpati dengan



TAHNIH.... Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin menyampaikan pingat kepada salah seorang peserta yang memenangi salah satu acara dalam sukan muhibah.

mengutip sejumlah 699 mata, tempat ketiga Rumah Pipit 577 mata, keempat Teripas 560 mata dan tempat kelima dimenangi oleh Rumah Tiong dengan 498 mata.

Seramai 600 orang pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk keluarga

syarikat tersebut menyertai temasya kali pertama sejak penubuhan RBA 13 tahun yang lalu.

Rosli Tahir dan Bibi Suryani Haji Abu Bakar terpilih sebagai olahragawan dan olahragawati terbaik.



KITA juara.... ahli-ahli sukan Rumah Bangau bergambar ramai setelah muncul sebagai juara.



SUKAN RIA

DALAM kunjungan ke negara-negara ASEAN dan Jepun baru-baru ini, peserta-peserta yang menyertai rancangan Kapal Belia telah berkesempatan menyertai acara sukan ria persahabatan dengan bekas peserta Kapal Belia negara ini di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Khamis lepas.

Antara acara dalam sukan itu termasuklah permainan ski, bola keranjang, dan bolasepak serta acara-acara menyusun gambar-gambar. Gambar kiri memperlihatkan sebahagian daripada peserta-peserta Kapal Belia yang menyertai acara tarik tali. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Pemerintah Tentera British di Hongkong, Mejar Jeneral G.D. Johnson. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Menerima mengadap

Dari muka 1

Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka, 55 tahun berkelulusan Undang-Undang dari Universiti Keio, mula berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun dalam tahun 1959 dan pernah bertugas di United Nation, Republik Demokratik Jerman dan Ethiopia.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Tuan Wijesekera Mudiyanselage Janaka Bandara Nakkawita berusia 46 tahun, berkelulusan Sastera dari Universiti Ceylon. Tuan Yang Terutama mula berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Sri Lanka dalam tahun 1967 dan pernah bertugas di Sweden, Kuala Lumpur, Republik Maldives dan Republik Singapura.

Tuan Yang Terutama Tuan Wijesekera akan beribu

pejabat di Singapura, yang mana Tuan Yang Terutama juga merupakan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Republik Singapura.

Hadir sama di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima mengadap Pemerintah Tentera British di Hong Kong Mejar Jeneral G.D. Johnson.

Istiadat itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada petang Selasa, 10 November, 1987.

Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein Ibn Talal, Raja Negara Jordan bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-52 pada 14 November, 1987.

MOTIVASI GURU-GURU AKAN DITINGKATKAN

GADONG. — Kementerian Pelajaran akan terus membuat langkah-langkah tertentu bagi mempertingkatkan motivasi guru-guru agar pendidikan kanak-kanak sekolah di negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Menurut Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman langkah-langkah itu ialah menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan latihan untuk guru-guru, perbincangan mengenai topik-topik relevan dengan profesion guru dan pelajaran dari masa ke semasa, mengeratkan lagi pentadbiran sekolah dengan kementeriannya melalui lawatan dan seterusnya untuk mengetahui keadaan kanak-kanak sekolah dan guru secara lebih dekat.

Perhatian ini diberikan berikutan adanya permasalahan guru-guru yang mengabaikan profesion mereka di mana sebilangan-nya tidak mengambil berat akan persediaan-persediaan alat-alat mengajar, latihan mata pelajaran matematik adalah terlalu sedikit dibandingkan dengan masa yang diperuntukkan bagi satu-satu latihan dan yang lebih utama ialah kurangnya komunikasi antara guru dengan murid.

Yang Berhormat menyenutuh perkara tersebut di majlis malam Konvokesyen ke-XIV Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah di sini pada 14 November lepas di sini berkata usaha-usaha lain juga dibuat iaitu bagi mengurangkan dinding pemisah di antara sekolah dengan Kementerian Pelajaran di samping usaha untuk memberikan lebih banyak lagi bidang-bidang tugas kepada sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat yang pada masa ini dimulakan dengan sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab bertujuan untuk mewujudkan pentadbiran lebih berkesan kepada

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

kewibawaan sekolah itu sendiri.

"Saya ingin melihat sekolah-sekolah dan juga maktab-maktab membanyakkan inisiatif dan usaha masing-masing dalam mencari jalan suasana pembelajaran yang boleh memberangsangkan murid-murid dan penuntut," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kanak-kanak sekolah itu ditanamkan dengan minat untuk membaca buku. Ini memandangkan pembacaan adalah kunci kemajuan pelajaran. Perkara ini perlulah mendapat iktibar oleh pihak sekolah, usaha-usaha berterusan untuk mempertingkatkan keinginan membaca di kalangan kanak-kanak sekolah.

Dalam pada itu, menurut Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sendiri sedang mempertimbangkan untuk mengusahakan satu kempen membaca seluruh negeri di samping mem-

bolehkan sekolah-sekolah untuk mendapatkan lebih banyak lagi buku-buku kutubkhanah.

"Hanya dengan penglibatan secara sedar dan berterusan di kalangan guru-guru untuk memupuk keinginan membaca di kalangan kanak-kanak sekolah dengan menjadikannya satu amalan guru itu sendiri, maka kempen-jangka panjang ini setentunya mewujudkan masyarakat yang ingin membaca akan lebih berhasil dengan baik.

Yang Berhormat Pehin juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada pelajar-pelajar yang terbaik dalam mata pelajaran iaitu bagi guru-guru lepasan IPSHB sesi 1983-1986.

Majlis ramah mesra

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis ramah mesra antara penduduk Kampong Burong Pingai Ayer bersama Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin serta pegawai-pegawai kanannya, telah berlangsung di sini pada 13 November lepas.

Majlis tersebut telah diadakan di rumah Pengarah Haji Othman bin Abd. Kadir, Ketua Kampong Burong Pingai Ayer.

Di samping ramah mesra, majlis itu juga diselenggarakan dengan sesi perbincangan. Antara yang dibincangkan ialah bagi mengadakan projek gotong-royong membina sebuah jambatan untuk kemudahan penduduk-penduduk kampung tersebut. Selain daripada itu, penduduk-penduduk kampung juga diberi peluang mengemukakan berbagai masalah dan pendapat di dalam sesi soal jawab.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menyampaikan ijazah kepada Awang Lamat bin Lakim, yang telah berjaya memperolehi Sarjana Muda Pendidikan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Sambungan dari muka 1

mestilah mempunyai tanggungjawab dan penglibatan sepenuhnya untuk membantu memberikan pendidikan kepada seluruh rakyat negara ini.

"Saya berpendapat kebolehan pendidik tidak akan berakhir dengan memperoleh sijil-sijil serta kelulusan di tempat-tempat pengajian, tetapi ianya merupakan titik permulaan dan asas untuk mereka berkhidmat dan terus berjaya di dalam meninggikan taraf pendidikan di negara ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia melahirkan rasa kesal terdapatnya laporan-laporan yang menunjukkan penuntut di negara ini terlibat dengan

kes-kes seperti penyalahgunaan dadah, minum minuman keras, perbuatan yang merosakkan harta benda awam, membuang sampah tidak menentu serta membuang masa dengan tidak tentu tujuan.

Demi mengatasi masalah ini sabda Duli Yang Teramat Mulia, ibu bapa dan pendidik-pendidik perlu sentiasa bekerjasama menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sepenuhnya.

"Pendidikan bukanlah hanya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang pandai membaca, menulis atau mengira tetapi mestilah juga dapat menanamkan sikap yang bersih dan berbudi pekerti dan berdisiplin," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Selamatkan keluarga awda dengan menjauhi penyalahgunaan dadah